

WILAYAHKU


MEDIA WARGA KOTA

Fitnah Kerajaan, bukti pembangkang cuak

Lestari Niaga@Kuala Lumpur
Transformasi buat peniaga
dan penjaja kecil
>> 9-11

Kenali sejarah Prang
Besar di Putrajaya
Story
>> 15

Tanjung Subuk-Subukkan
martabat busana tradisi
Kadayan
>> 22



KKM buka permohonan dalam talian sertai pasukan perubatan ke Gaza

SYED HAZIQUE

KEMENTERIAN Kesihatan Malaysia (KKM) membuka permohonan kepada pegawai perubatan yang mahu menyertai pasukan perubatan ke Gaza, Palestin.

Menterinya, **Dr Zaliha Mustafa** berkata permohonan itu dibuka secara dalam talian di mana pasukan perubatan sukarelawan terbabit akan dihantar sebaik sahaja kebenaran memasuki negara bergolak itu diberikan.

"Kita sudah buka permohonan secara dalam talian untuk mana-mana anggota kesihatan yang bersedia dihantar ke sana.

"Setakat ini saya tiada data berapa jumlah keseluruhan yang sudah

mengemukakan permohonan," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Sambutan Hari Integriti dan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah di kementeriannya baru-baru ini.

Tambah Zaliha, latihan bersesuaian akan diberikan kepada pasukan perubatan itu kerana akan terlibat dalam merawat mangsa-mangsa bencana peperangan.

"Kita berdepan dengan peperangan, latihan itu dari sudut fizikal, mental dan emosi kerana berdepan dengan peperangan ini, ia satu perkara yang sangat menekan.

"Jadi dari sudut persediaan lain-lainnya, saya yakin anggota kesihatan ini, mereka memang bersedia dari sudut rawatan dan sebagainya," ujarnya. **WK**



ZALIHA (tengah) ketika melancarkan Sambutan Hari Integriti dan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah baru-baru ini.



MOHAMAD HASAN memimpin delegasi Malaysia menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) ke-17 dan ADMM-Plus ke-10 di Jakarta pada Rabu.

Menteri Pertahanan ketengahkan pendirian Malaysia mengenai konflik Gaza

MENTERI Pertahanan, **Datuk Seri Mohamad Hasan** yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) ke-17 dan ADMM-Plus ke-10 di Jakarta pada Rabu, menyuarakan kebimbangan mendalam Malaysia berhubung situasi di Gaza dan keperluan gencatan senjata segera.

Dalam keadaan kritikal ini, Mohamad menekankan keperluan mendesak untuk menghentikan kehilangan lebih banyak nyawa, penderitaan dan kemusnahan, sambil menggesa semua pihak bersabar dan mengurangkan ketegangan.

"Dalam tempoh yang mencabar ini, Malaysia mengulangi pendirian tidak berbelah bahaginya supaya gencatan senjata dicapai segera, akses bantuan kemanusiaan yang tidak terhalang dan penolakan tegas terhadap sebarang percubaan untuk memindahkan rakyat Palestin secara

paksa dari tanah milik mereka," kata Mohamad dalam ucapannya pada mesyuarat itu.

Mohamad mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat dua hari bertemakan 'Keamanan, Kemakmuran, dan Keselamatan,' bersama Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Isham Ishak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Mohamad Yani Daud dan para pegawai kementerian.

Memandangkan Indonesia mempengerusikan ADMM dan ADMM-Plus bagi 2003, mesyuarat itu dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Indonesia, Prabowo Subianto.

Dalam ucapannya beliau membangkitkan kebimbangan mengenai keadaan yang semakin merosot di Myanmar dan menyeru negara anggota ASEAN supaya aktif menyokong Myanmar dalam mencari penyelesaian yang berkekal.

Menyedari kedudukan dunia yang saling berkaitan, Prabowo mengakui bahawa konflik di satu wilayah boleh memberi kesan kepada yang lain dan oleh itu beliau menggariskan perlunya penyatuan usaha di peringkat tempatan dan global.

Prabowo juga menegaskan bahawa konflik yang semakin meningkat di wilayah seperti Rusia, Ukraine dan Asia Barat meningkatkan risiko krisis kemanusiaan yang teruk.

"Indonesia sedang giat terlibat dengan pelbagai pihak untuk menyelesaikan isu ini dan mewujudkan koridor kemanusiaan untuk mangsa di Gaza," kata beliau.

Beliau juga menegaskan mengenai keperluan mendesak untuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil tindakan yang lebih teguh untuk mencegah konflik serupa. - **BERNAMA**

Tujuh waris terima sumbangan Skim Prihatin YWP

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menghulurkan sumbangan kepada tujuh orang waris yang berdaftar dalam Skim Prihatin di Wisma YWP, Kampung Baru, baru-baru ini.

YWP dalam satu kenyataan berkata Skim Prihatin merupakan inisiatif dalam menyediakan Skim Khairat Kematian kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Ia bertujuan untuk meringankan beban keluarga khususnya warga Wilayah Persekutuan apabila berlaku kematian. Di bawah skim ini, YWP akan memberi bantuan kepada waris ahli yang telah berdaftar dan hanya waris yang layak sahaja boleh membuat tuntutan," jelasnya.

YWP berkata, bagi melayakkan seseorang menjadi ahli di bawah skim tersebut individu itu hendaklah berumur 21 hingga 75 tahun semasa pendaftaran selain mengundi dan menetap di Wilayah Persekutuan.

Untuk rekod, sejak tahun 2010, seramai 4,539 ahli telah menuntut Skim Prihatin yang disediakan oleh YWP.

Terdahulu, sumbangan berupa cek disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) JWP, Datuk Parang Abai @ Thomas diiringi Pengarah Bahagian Sosio Ekonomi JWP, Mohd Sharif Mohamad Yaakob serta Timbalan Pengurus Besar Jabatan Komuniti, Komunikasi Strategik dan IT YWP, Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir. **WK**



PARANG ABAI (dua kiri) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang waris yang berdaftar di bawah Skim Prihatin. Turut hadir, Mohd Sharif (kiri) dan Ida Harlina (kanan).

Prestasi PM, dasar yang jelas dorong pembangkang lempar fitnah

Oleh: SKUAD WILAYAHKU

PRESTASI Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilihat berjaya mengemudi Kerajaan Perpaduan sejak setahun lalu selain mampu menangani isu politik dilihat faktor utama pembangkang melemparkan fitnah terhadap beliau.

Pengarah Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi (CMIWS) UiTM, **Profesor Madya Dr Suhaimee Saahar**

@Saahar

berkata jalinan kerjasama di antara pakatan pembangkang yang tidak utuh untuk berdepan dengan kerajaan turut menjadi faktor bahawa berita berbaur fitnah terpaksa dihalakan kepada kerajaan.

“Setakat hari ini dasar-dasar yang ada, soal *good governance* dan tatakelola serta mekanisme penyampaian awam dilihat semakin meningkat, oleh itu pembangkang dilihat mencari-cari isu yang boleh digunakan untuk mencalar imej kerajaan sedia ada dan Perdana Menteri termasuklah mengeluarkan kenyataan fitnah,”



SUHAIMEE



KERAJAAN pimpinan Anwar tidak goyah walau dilempar pelbagai fitnah dan tohmahan dari pelbagai pihak.

katanya kepada *Wilayahku* ketika dihubungi pada Rabu.

Jelas Suhaimee, meskipun serangan yang dilempar bertali arus termasuk cubaan menjadikannya isu politik, namun akhirnya perkara yang dibawa oleh

golongan ini dilihat tidak berjaya mengikat pemikiran rakyat.

“Mereka cuba jadikan ia sebagai isu politik misalnya peningkatan harga barang beberapa bulan lalu namun ia telah berjaya dikawal dengan baik di pihak kerajaan.

“Keduanya, isu mengenai rancangan kerajaan untuk melaksanakan subsidi bersasar, ia adalah pendekatan baharu di bawah inisiatif Madani, namun pembangkang hari ini dilihat terdesak sehingga mengeluarkan

kenyataan berbaur fitnah,” ujar beliau.

Suhaimee berkata terbaharu seorang ahli parlimen yang mengaitkan keluarga Lim dengan Chin Peng termasuk bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew juga dilihat satu tindakan terdesak kerana kenyataan yang dikeluarkan itu tidak mempunyai alasan yang kukuh.

“Saya beranggapan itu mungkin satu strategi untuk mendekatkan semula masyarakat khususnya orang Melayu kepada pembangkang, namun ia berkemungkinan memberikan risiko kepada mereka kerana pasti akan ada implikasi undang-undang selain fakta sejarah kini begitu mudah untuk diakses bagi meneliti kesahihan satu-satu berita,” katanya.

Menurut Suhaimee, sememangnya tindakan setiap ahli politik akan menggunakan isu untuk menyerang kerajaan dan mempengaruhi pemikiran rakyat atau pengundi kerana ia telah menjadi budaya politik dalam kalangan parti-parti politik ini.

“Kita akui apabila banyak berita politik yang sensasi ia agak sukar untuk membezakan antara fitnah atau fakta. Oleh itu, ia dilihat cubaan mereka untuk memanipulasi apa juga isu untuk menangkis persepsi negatif yang terpalit terhadap isu yang sedang mereka hadapi,” katanya. **WK**

Rakyat harus bijak menilai, Kerajaan Perpaduan tidak goyang difitnah

LAPORAN fitnah yang berleluasa semakin hari semakin menjadi-jadi sehingga menyebabkan reputasi serta maruah mangsa fitnah tercalar.

Ledakan-ledakan fitnah daripada si pemfitnah juga tiada henti, dengan bertali arus terus menembak mangsa tanpa fikir kesan atau akibat yang mendarang.

Di kancan politik misalnya, gosip-gosip atau khabar-khabar serta hal-hal bicara sesama para ahli politik itu sudah biasa seperti di kancan layar perak dalam dunia hiburan.

Namun, pada masa kini, khabar angin itu seakan tidak berasas menyebabkan ia menjadi satu fitnah yang sengaja mahu menjatuhkan martabat mangsa yang difitnah itu sendiri.

Penganalisis politik, **Mujibu Abd. Muis** berkata pihak pemfitnah memerlukan momentum bagi memberikan tekanan berterusan kepada mangsa

untuk menarik perhatian serta simpati.

“Daripada sudut pembangkang, sememangnya kerja mereka untuk menyoal atau berbincang keputusan yang dibuat kerajaan, namun, masa kini banyak tuduhan yang tidak berasas dan bersifat keperibadian.

“Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sering menjadi mangsa tohmahan tidak berasas, namun, pihak Perdana Menteri juga perlu naratif yang bagus untuk menjelaskan situasi atau menyerang balik baru seimbang,” katanya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, khabar angin, atau drama-drama politik adalah perkara biasa atau lumrah kehidupan dalam arena politik.

Jelasnya, trend politik zaman sekarang berbeza daripada dahulu malah kesan buruk akibat daripada fitnah itu boleh menjejaskan atau membunuh karier ahli-ahli politik

yang difitnah atau yang memfitnah.

“Tindakan sewajarnya harus diambil untuk menangani masalah ini, tuduhan tanpa bukti dianggap fitnah, ahli-ahli poltiik perlu berfikir secara rasional terhadap kesannya sebelum menjaja cerita-cerita panas atau sensasi yang boleh menimbulkan fitnah.

“Jika dilihat pelbagai fitnah yang dilemparkan kepada kerajaan kini, perlu diingatkan negara kita

punya undang-undang untuk menangkis segala deretan fitnah-fitnah yang dilemparkan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Pakar Geostrategi, yang juga Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), **Profesor Dr Azmi Hassan** menegaskan bukan sahaja Perdana Menteri malah

barisan kabinetnya sering diserang fitnah bagi menggoncang kestabilan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan pimpinan Anwar.

“Perkara fitnah ini dilihat seperti mainan atau senjata yang sengaja dilakukan oleh pihak pembangkang untuk terus menjatuh atau menggoncangkan kerajaan pimpinan Perdana Menteri.

“Sudah banyak tindakan undang-undang yang diambil, namun prosesnya memakan masa, dalam masa sama, rakyat harus bijak dalam menilai sesuatu laporan itu apakah ia fitnah atau benar,” katanya.

Tambah Azmi, rakyat harus menjadi penghukum kepada si pemfitnah demi keharmonian arena politik serta kebaikan negara.

“Retorik berbentuk fitnah tidak diperlukan dalam arena politik tanah air, kita (rakyat) harus bijak dalam meneliti kebenaran sesuatu tuduhan tersebut,” ujarnya. **WK**



MUJIBU



AZMI



Kerajaan dituduh tidak tegas isu boikot, terserah pada pengguna

ISU boikot produk dari Israel semakin menjadi perbualan hangat di mana-mana sahaja selain tular di platform media sosial. Pelbagai reaksi yang dapat dilihat antaranya ada yang menyokong, menentang selain terdapat juga yang enggan mengambil tahu hal.

Namun dalam keghairahan untuk memboikot produk tersebut, ada juga suara-suara sumbang yang melontarkan pandangan bahawa kerajaan tidak tegas dalam isu ini.

Biarpun berulang kali pihak kerajaan mengulangi pendirian menyokong Palestin namun ada sahaja yang tidak puas hati dan menunding jari sesuka hati seolah-olah tiada apa yang dilakukan kerajaan selama ini.

Tampil memberi pandangan, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, **Jamali Mohd Adnan** berkata orang ramai perlu tunaikan tanggungjawab kemanusiaan menghulurkan apa jua bentuk bantuan di samping terus mendoakan kesejahteraan dan keselamatan rakyat Palestin.

“Kita sebagai umat Islam kena menunjukkan solidariti ini dengan memboikot barangan yang datang dari negara Israel.

“Jadi dengan sebab itu nak tunjukkan solidariti kita dan mengajar mereka bahawa kita umat Islam ini umat yang bersatu padu dan banyak lagi pilihan barangan daripada produk yang dikeluarkan oleh umat Islam.

“Kita utamakan dalam tempoh ini dan seterusnya tinggalkan terus barang dan produk dari negara



BOIKOT produk dari Israel tanda solidariti umat Islam terhadap bumi Palestin.

yang membunuh umat Islam,” katanya baru-baru ini.

Malah, tambah beliau, pihak kerajaan juga tetap dengan pendirian menyokong Palestin meskipun tiada dasar tertentu untuk memboikot sebarang produk.

Sementara itu, menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), **Fuziah Salleh** berkata ketika ini tidak ada sebarang dasar berhubung tindakan memboikot sesuatu barangan oleh pengguna.

Kerajaan tidak boleh menghalang pengguna memboikot produk berkait Israel.

“Sebagai kerajaan pendirian

kita adalah menyokong Palestin, itu pendirian kita. Tetapi sama ada interpretasi itu nak menyokong, boikot atau tidak, itu terserah kepada individu atau pengguna,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Beliau berkata semua jenama asing di Malaysia adalah milik syarikat tempatan melalui konsep francais induk yang tertakluk pada Akta Francais 1998.

“Contoh seperti McDonald’s yang merupakan milik Gerbang Alaf Sdn Bhd dan Starbucks milik

Berjaya Group. Syarikat Gerbang Alaf Restoran Sdn Bhd mempunyai lebih 300 outlet dan jumlah pekerja tempatan lebih 25,000 orang.

“Jenama antarabangsa ini mereka bayar royalti. Akan tetapi pengguna yang membuat keputusan,” katanya sebelum Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 kemudiannya diluluskan di Dewan Rakyat dengan lebih suara bersetuju.

Jelas di sini, setiap apa yang dilakukan kita sebagai pengguna adalah atas inisiatif diri sendiri. Tidak perlu menunding jari kepada pihak lain. Tepuk dada tanya selera.

WK

Nik Elin cabar undang-undang syariah, kerajaan tidak diam diri

KECOH sana sini apabila peguam, Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid dan anaknya, Tengku Yasmin Nastasha Tengku Abdul Rahman mengemukakan cabaran-cabaran Perlembagaan berhubung 20 peruntukan kesalahan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1).

Mereka mendakwa 20 peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019 adalah tidak sah kerana terdapat undang-undang Persekutuan yang turut meliputi kesalahan yang sama.

Kedua-duanya berpendirian, kuasa untuk menggubal undang-undang melibatkan perkara jenayah adalah di bawah bidang kuasa Parlimen manakala Dewan Undangan Negeri (DUN) hanya diberi hak untuk menggubal undang-undang berkaitan akidah Islam.

Malah, mereka turut menggesa pihak mahkamah mengisytiharkan bahawa peruntukan tersebut batal dan tidak sah.

Apa yang tidak sedap didengar,



ramai netizen menuduh kerajaan berdiam diri dalam hal ini. Kata mereka, kerajaan seolah-olah membenarkan tindakan Nik Elin dan anaknya.

Tunggu cepat sangat tuduh melulu tanpa usul periksa. Sudah tentu kerajaan mengambil serius akan hal ini bukan seperti yang didakwa pihak yang tidak bertanggungjawab.

Buktinya, pihak berkuasa agama Islam negeri, badan-badan berkanun berkaitan agama Islam dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan agama diseru

terlibat dalam kes berkaitan Nik Elin Zurina lawan kerajaan Kelantan sama ada sebagai pencelah (*intervener*), *watching brief* atau sahabat mahkamah (*amicus curiae*).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** berkata kes tersebut masih di peringkat prosiding di Mahkamah Persekutuan dan sebarang komentar berkaitannya diklasifikasikan sebagai *sub-judice*.

Bagaimanapun beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa agama Islam bagi

memastikan undang-undang syariah yang telah digubal oleh Badan Perundangan Negeri dilaksanakan sebaiknya.

“Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang kesalahan-jenayah syariah bagi kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pelanggaran rukun-rukun Islam.

“Peruntukan tersebut juga telah diperkenan oleh sultan dan raja pemerintah di setiap negeri sebelum dikuatkuasakan,” katanya menerusi satu kenyataan baru-baru ini.

Namun dalam masa sama, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan mempertahankan dan menambah baik institusi kehakiman syariah di Malaysia.

“Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sentiasa bekerjasama rapat dengan institusi perundangan dan kehakiman syariah negeri yang terletak secara mutlak di bawah sultan dan raja pemerintah setiap negeri,” katanya. WK

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

19/11/23: KL Car Free Morning @ Dataran DBKL

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Muzium Negara

10-31/12/23: Plant Success Story across climates @ Aquaria KLCC

10-31/12/23: Plant Success Stories @ Shark Parade, Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



18/11/23: Singgah Seni 5 @ Dataran Putrajaya

18-20/11/23: Karnival Minggu Sains Negara & Malaysia Techlympics Peringkat Akhir Kebangsaan @ PPJ & Taman Pancarona

19/11/23: PERKESO Run & Ride 2023 @ Dataran Wawasan

2/12/23: KLSCCI Foodie Run 2023 @ Anjung Floria

9/12/23: Putrajaya Green Light Run @ Anjung Floria

9-10/12/23: Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejurangan Putrajaya 2023 @ Kompleks Kejurangan Presint 11

LABUAN



26/11/23: Labuan Challenge 3.0 (Cycling) @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

2-3/12/23: Labuan E-Sport Festival @ Persatuan Sukan Elektronik Labuan

9/12/23: Labuan Superhero 2023 Fun Run @ Padang Dataran Labuan

2/10-31/12/23: Pembaharuan lesen perniagaan 2024 @ Wisma Perbadanan Labuan

31/12/23: International Character Costume Night Run @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

Rangkul pelbagai anugerah, PPj kekal prestasi cemerlang tahun 2023



SABRINA SABRE

PRESTASI cemerlang Perbadanan Putrajaya (PPj) terus diiktiraf melalui Anugerah Penghargaan Bandar Paling Mampan dan Anugerah Penghargaan Khas bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2023 peringkat kebangsaan yang diadakan pada 9 November lalu bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pihaknya menyertai Program Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development (MURNInets) di bawah PLANMalaysia yang digunakan sebagai alat pengukur kemampanan bandar-bandar di Malaysia sejak tahun 2012.

"Bagi tahun 2023, pihak Perbadanan telah lengkap mengisi kesemua 39 indikator ke dalam gerbang MURNInets termasuk menjalankan soal selidik berkaitan Indeks Kebahagiaan dan Pandangan Penduduk Terhadap Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Terdahulu, anugerah tersebut



NGA KOR MING (dua kiri) menyampaikan trofi dan mock cheque bernilai RM20,000 kepada Fadlun (tengah) di atas penerimaan Anugerah PBT Cemerlang (Perbandaran). Foto: FARIS AZMI/PPj

disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk M Noor Azman Taib.

Dalam majlis yang sama, PPj turut menerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia dengan berjaya mencapai status *Smart City*

Early Adopter pada tahun 2023 dalam Program Penarafan Bandar Pintar Malaysia.

"*Smart City Early Adopter*

merupakan Tahap 1-Bandar Pintar (*smart city*) yang telah digubal KPKT berdasarkan Matrik Pelaksanaan Bandar Pintar Malaysia, seperti mana dipersetujui oleh Majlis Bandar Pintar Negara pada 10 Oktober yang lalu," jelas beliau.

Selain itu, melengkapkan lakaran kejayaan bagi tahun 2023, Fadlun memaklumkan PPj turut menerima Anugerah PBT Cemerlang bagi kategori perbandaran dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023.

"Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri KPKT, Nga Kor Ming pada 11 November 2023 bertempat di St. Regis Kuala Lumpur.

"Penyertaan bagi Anugerah PBT Cemerlang ini dimulakan dengan kepatuhan kepada 17 kriteria yang telah digariskan oleh pihak penganjur serta sesi temu duga bersama panel juri," ujarnya.

Dalam pada itu, Fadlun berkata penglibatan para pemegang taruh dan komuniti Putrajaya dalam setiap program yang dianjurkan oleh pihaknya adalah merupakan antara inti pati yang telah memberikan hasil kepada PPj atas pencapaian tertinggi ini. **WK**

80 pengamal media tempatan, antarabangsa sertai TOMER 2023

SERAMAI 80 peserta terdiri daripada wakil media tempatan dan antarabangsa turut serta dalam penganjuran Tourism Malaysia Media Explore Race (TOMER) 2023 yang berlangsung di sekitar Putrajaya dan Selangor pada 8 hingga 10 November lalu.

Menurut Ketua Pengarah Tourism Malaysia, **Datuk Dr Ammar Abd. Ghapar**, penganjuran TOMER 2023 yang memasuki tahun kedua itu menyaksikan 18 penyertaan antarabangsa dari Indonesia, Thailand, Singapura, Filipina dan Brunei yang bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dengan pihak media arus perdana dan media baharu.

"Di samping itu, ia juga untuk memberi publisiti dan liputan yang meluas terhadap produk-produk pelancongan terkini di sekitar Putrajaya dan Selangor yang merangkumi tarikan alam semula jadi, keindahan pantai, warisan dan seni budaya.

"Seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026, Tourism Malaysia telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran untuk meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya menerusi satu kenyataan media.

Tambah beliau, menerusi penganjuran TOMER 2023, publisiti untuk produk-produk pelancongan



PESERTA TOMER 2023 merakamkan gambar kenangan dalam program yang diadakan selama tiga hari dua malam itu.

dapat ditingkatkan selain memperkukuh kerjasama awam-swasta bagi menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah destinasi pelancongan pilihan di rantau ini.

Menariknya, Dr Ammar berkata para peserta perlu melepasi cabaran dengan menempuh misi kembara dan eksplorasi harta karun di Putrajaya serta menjelajah laluan persisiran pantai di Selangor secara berkumpulan dengan menaiki

kereta tajaan Perodua.

"Selain itu, mereka juga perlu menghasilkan pelbagai kandungan promosi pelancongan termasuk video yang bakal dikongsikan di media sosial.

"Antara lapan hentian *checkpoint* di sepanjang laluan sekitar Putrajaya termasuklah Dataran Putra, Astaka Morocco, Wetland Studio, Kompleks Nasrul Quran, Anjung Floria, Taman Ekuestrian,

Secret Garden Putrajaya dan Tangga Putrajaya.

"Semasa di Selangor, para peserta pula perlu melalui enam *checkpoint* bermula di Homestay Banghunis, Pantai Bagan Lalang, Pantai Morib, Pantai Kelanang, Istana Bandar Jugra dan Perkampungan Budaya Mah Meri di Pulau Carey. Misi kembara tersebut berakhir di Shah Alam dengan majlis penyampaian hadiah yang

berlangsung di Mardhiyyah Hotel & Suites," ujar beliau pihak Tourism Malaysia turut menyediakan perkhidmatan bas *KL Hop-On Hop-Off* untuk membawa para peserta menikmati keindahan panorama malam yang penuh warna-warni di Putrajaya.

Dalam masa sama, Dr Ammar memberitahu dalam pertandingan berkonsepkan *explorace* itu, peserta perlu menghasilkan kandungan video promosi produk pelancongan di negeri berkenaan.

"Semua peserta dibahagikan kepada 20 kumpulan dan setiap mereka perlu memuat naik video kreatif yang dihasilkan berkaitan produk pelancongan di setiap *checkpoint* melalui akaun media sosial mereka.

"Kita buat konsep *explore* and *expose* kerana mahu peserta bukan sahaja menjawab soalan *treasure hunt* dan menyelesaikan cabaran yang diberi, tetapi turut sama mempromosikan produk pelancongan yang ada di Putrajaya dan Sepang," ujarnya TOMER 2023 adalah jalan terbaik untuk mengukuhkan perkongsian antara pihak awam-swasta dalam mempromosikan pelancongan dua negeri itu.

Terdahulu, program selama tiga hari dua malam itu dianjurkan menerusi kerjasama strategik bersama Perodua, Perbadanan Putrajaya dan Tourism Selangor. **WK**

DBKL tutup serta-merta dua pusat hiburan di ibu kota

HAZIRAH HALIM

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Jabatan Penguatkuasaan bertindak menutup serta-merta dua buah pusat hiburan di sekitar Kuala Lumpur yang menjalankan aktiviti hiburan tanpa kebenaran dan kelulusan pihak berkuasa.

Menerusi Operasi Tindakan Khas Premis Berisiko (Aktiviti Hiburan) yang dilaksanakan baru-baru ini, dua premis berkenaan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 17 Akta Hiburan 1992 selain DBKL turut membuka tiga kertas siasatan di bawah Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) kerana mengadakan aktiviti hiburan (*live muzik/DJ*) tanpa kebenaran.

“Operasi ini melibatkan 12 premis perniagaan restoran dan pub di sekitar kawasan Kuala Lumpur antaranya Jalan Ampang, Jalan Dang Wangi, Jalan Pudu Ulu, Jalan Tun Razak dan Setapak yang bermula pada pukul 9 malam dan berakhir pukul 2.30 pagi.

“Hasil serbuan dan pemeriksaan tersebut, pelbagai peralatan dan barangan terdiri daripada *mixer*



KOMPUTER riba antara peralatan yang disita DBKL ketika serbuan baru-baru ini.

sound, digital mixing console, speaker, monitor, komputer riba dan lain-lain disita dan dihantar ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong Taman Miharja, Cheras bagi tujuan rekod dan penyimpanan sementara,” jelas DBKL menerusi satu hantaran di laman Facebooknya.

Pada operasi tersebut juga,

DBKL memaklumkan enam notis kompaun turut dikeluarkan atas beberapa kesalahan.

“Ia terdiri daripada tiga notis kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Petempatan Makanan (WPKL) 2016 (melantik pembantu tanpa kebenaran), dua notis kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan

dan Perindustrian (WPKL) 2016 serta satu notis kompaun Undang-Undang Kecil Iklan (WPKL 1982) berikutan mempamer iklan tanpa lesen,” katanya.

Dalam pada itu, DBKL berkata tindakan penguatkuasaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa terutama di lokasi tumpuan yang lain di sekitar Kuala Lumpur. **WK**

Permohonan Lesen Sementara Tahun Baru Cina 2024 dibuka

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL membuka permohonan Lesen Sementara Tahun Baru Cina 2024 bermula 15 November sehingga 30 November ini.

Menurut DBKL, permohonan tersebut terbuka kepada semua warga kota khususnya kaum Cina yang mempunyai status taraf warganegara Malaysia berumur 18

tahun dan ke atas.

“Bagi permohonan lesen tapak secara individu, permohonan hendaklah dibuat secara atas talian menerusi pautan <https://elesen.dbkl.gov.my> serta memuat naik kad pengenalan, imej hadapan, belakang dan berwarna selain pelan lokasi dan gambar tapak (pandangan hadapan, sisi kiri dan kanan).

“Manakala, bagi permohonan

tapak lesen oleh penganjur atau persatuan pula, pemohon perlu mengisi borang permohonan yang boleh dimuat naik melalui pautan yang sama seperti permohonan individu dan kemukakan borang yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan ke kotak serahan Bazar Tahun Baru Cina, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penaja (JPPP) di Lobi Menara DBKL 2, Jalan Raja

Laut, Kuala Lumpur,” jelas DBKL pemohon hanya boleh memohon satu petak sahaja untuk tahun 2024.

Jelasnya lagi, bagi permohonan tapak di hadapan bangunan premis perniagaan, pemilik premis diminta untuk memohon Lesen Promosi Luar Bangunan.

DBKL berkata sebarang permohonan selepas 30 November tidak akan dipertimbangkan. **WK**

CERITA KEDAI KOPI

Taman tasik tercemar

TAMAN Tasik Titiwangsa terkenal sebagai tempat riadah dan bersantai dalam kalangan warga kota, juga mereka dari luar ibu kota. Kemudahan riadah seperti trek jogging disediakan. Yang hendak senaman sambil mengelilingi tasik boleh menyewa basikal yang boleh dinaiki dan dikayuh oleh seorang atau lebih.

Dataran ‘taman air’ disediakan untuk kanak-kanak mandi-manda. Juga boleh berpiknik di kawasan rumput hijau yang dilindungi dengan meja dan bangku. Kemudahan menunggang kuda juga disediakan untuk pengunjung.

Kerana itu Taman Tasik Titiwangsa jarang sunyi. Pada hari minggu atau hari cuti khususnya, lebih ramai datang berkunjung. Sejak awal pagi orang ramai berduyun-duyun sehingga sukar mendapat tempat parkir.

Para peniaga menguasai banyak petak parkir adalah pemandangan biasa di kawasan taman tasik berkenaan. Di samping itu pengendali basikal sewa juga meletakkannya di kawasan parkir. Ini kerana tidak ada ruang khas untuk mereka, jadi terpaksa mengambil petak parkir awam.

Kawan-kawan Kedai Kopi faham isu ini

sudah kerap disuarakan melalui media. Namun pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) barangkali belum dapat mencari penyelesaian muktamad mengatasinya. Diharap isu ini akhirnya dapat diatasi.

Satu lagi isu yang ingin diutarakan ialah terdapat lokasi tertentu di Taman Tasik Titiwangsa ini yang bagai menjadi tempat buangan barang buruk sehingga kelihatan seperti kawasan buang sampah.

Kunjungan kawan-kawan Kedai Kopi baru-baru ini mendapati basikal sewa yang sudah rosak dihumban berlonggok berhampiran kawasan lalu-lalang orang ramai. Meja usang juga dibuang di situ. Selain itu terdapat *food truck* yang sudah menjadi besi buruk dibiarkan tersadai di kawasan parkir.

Ini semua adalah pemandangan yang tidak menyenangkan serta mencemar taman tasik tumpuan ramai. Tempat buangan ini pula dalam kawasan banyak trak makanan lain berniaga. Tentu kurang enak makan berhampiran dengan bahan buangan.

Justeru kawan-kawan Kedai Kopi berharap pengendali dan pemilik basikal sewa serta trak makanan bersikap lebih bertanggungjawab. Barang yang sudah rosak jangan dibiarkan mereput di kawasan tersebut serta mencatatkan pemandangan. Buatlah sesuatu untuk melupuskan.

Pihak DBKL perlu bersikap lebih tegas dalam isu ini. Kenal pasti mereka yang ‘menyampahkan’

kawasan berkenaan dan ambil tindakan sewajarnya. Jangan cemari keindahan dan kebersihan Taman Tasik Titiwangsa yang menjadi kebanggaan warga ibu kota.

‘Segarkan’ Pulau Langkawi

KEHEBATAN Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan diketahui umum. Bukan sahaja warga tempatan bertumpu ke pulau lagenda tersebut, malah ia menjadi tarikan pelancong luar untuk menikmati keindahan serta pelbagai tarikan pelancongan yang ditawarkan.

Secara tidak langsung ini memberi manfaat kepada banyak pihak, termasuk penduduk Langkawi sendiri, yang menjadikan pelancongan sebagai sumber rezeki. Ramai terlibat mengusahakan *chalet*, premis makanan dan minuman serta pelbagai kemudahan rekreasi dan riadah, juga sebagai pemandu pelancong.

Turut menikmati hasil kedatangan pelancong ialah yang mengusahakan bisnes sewa kenderaan untuk pelancong. Selain itu syarikat pengangkutan seperti feri, bas dan kapal terbang turut sama beroleh manfaat apabila ramai pelancong menggunakan perkhidmatan mereka untuk sampai ke Pulau Langkawi.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi tersentuh apabila membaca laporan media bahawa Pulau Mahsuri itu kebelakangan ini tidak meriah seperti dahulu. Jumlah pelancong dikatakan merosot.

Malah pelancong dalam negeri pun mengubah haluan menuju ke tempat lain, contohnya Hatyai di Thailand.

Adakah Langkawi sudah hilang tarikannya? Kawan-kawan Kedai Kopi rasa tidak begitu kerana tarikan pelancongan di pulau tersebut tetap hebat seperti dahulu. Jadi adakah kerana tidak banyak promosi mengenai Langkawi berbanding lokasi saingan?

Walaupun Langkawi sudah terkenal, promosi berkala dan berterusan perlu dilakukan di dalam dan luar negara untuk memastikan pulau itu sentiasa segar dalam minda pelancong. Adakan acara berkala untuk menarik pelancong, selain acara besar seperti Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim (LIMA).

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, satu lagi punca pelancong berkurangan kerana Langkawi kini dianggap lebih mahal berbanding Hatyai. Kos penginapan, sewa kenderaan, makan minum didakwa lebih mahal, terutama ketika musim perayaan atau cuti sekolah.

Diharap usaha dilakukan segera bagi menyegarkan kembali Langkawi. Kerajaan negeri Kedah dan kerajaan pusat boleh berbincang mencari jalan terbaik penyelesaian isu. Bekerjasamalah demi memastikan Pulau Langkawi tetap menjadi destinasi pelancongan ulung memandangkan ia menyumbang kepada ekonomi Langkawi, negeri Kedah dan kerajaan pusat.

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial *Wilayahku*.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sagu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) *Wilayahku*.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



PERJUANGAN rakyat Palestin bagi membebaskan tanah air mereka bukanlah asing bagi orang Melayu. Ini kerana orang Melayu sebenarnya sudah bersimpati dan membela nasib rakyat Palestin yang ditindas oleh imigran Yahudi sejak tahun 1930 lagi, iaitu ketika krisis penindasan rakyat Palestin sedang berkembang pesat.

Akhbar *Semangat Islam* melaporkan bahawa Presiden al-Jamiyyah al-Khairiyyah al-alabiyyah al-Azhariyyah al-Jawah (Persatuan Kebajikan Pelajar Jawi al-Azhar) Haji Abu Bakar Ashaari, bersama sahabatnya Abdul Kahar Muzakir tiba di Palestin pada tahun 1930.

Dalam pertemuan tersebut, Suruhanjaya Buraq al-Sharif ditubuhkan di bawah Liga Bangsa bagi mengelakkan tercetusnya konflik antara agama. Pada tahun 1931, Mufti Jerusalem iaitu Haji Amin al-Husayni telah menganjurkan Persidangan Umum Islam di Palestin bagi menyatukan pandangan umat Islam dalam rangka mempertahankan bumi Palestin.

Menerusi persidangan tersebut, Abdul Kahar Muzakir telah dilantik sebagai Setiausaha Mukhtar Alam Islami. Dalam hal ini, status sebagai pelajar tidak pernah menghalang pelajar Melayu di Mesir untuk mengambil berat terhadap saudara seagama mereka di Palestin, malah turut sama memberikan buah fikiran bagi menyelesaikan konflik tersebut.

Selain itu, antara tokoh politik Tanah Melayu yang terawal membela perjuangan rakyat Palestin ialah Dr Burhanuddin al-Helmy (1911-1969). Pada pertengahan tahun 1930-an, beliau dilaporkan pernah melawat Palestin seterusnya menyertai demonstrasi menentang Perjanjian Balfour 1917 yang menjadi punca kepada penindasan rakyat Palestin.

Sekembalinya ke Tanah Melayu pada tahun 1936, beliau telah ditahan oleh British akibat penglibatan beliau dalam demonstrasi tersebut, namun peristiwa tersebut tidak pernah mematahkan semangat beliau bagi membela rakyat Palestin.

Pada tahun 1939, beliau pernah menerbitkan sebuah majalah berjudul *Taman Bahagia* yang pernah memaparkan artikel tulisan beliau berkenaan perjuangan rakyat Palestin.

Namun British bertindak mengharamkan penerbitan majalah tersebut kerana disyaki boleh membangkitkan kemarahan orang Melayu terhadap penjajahan British di Tanah Melayu.

Pemimpin Melayu lain yang giat memperjuangkan isu Palestin ialah tiga tokoh dari Singapura iaitu Sardon Jubir, Haji A Mohd Hussein

Jauh beribu batu bukan halangan, Palestin dekat di hati



PERJUANGAN rakyat Palestin sentiasa mendapat perhatian. Foto: PEJABAT PERDANA MENTERI.

dan Abdullah Yahaya.

Pada tahun 1947, tindakan British menyerahkan isu Palestin kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seterusnya mengemukakan Resolusi 181 melalui kaedah pemisahan Palestin kepada wilayah Arab Palestin dan Yahudi menyebabkan mereka telah mengadakan mesyuarat bagi mencadangkan langkah bagi membantah cadangan PBB tersebut.

Tanggal 20 Disember 1947, satu mesyuarat telah diadakan di bangunan Persatuan Guru Melayu Singapura yang membawa kepada penubuhan Singapore Palestine Anti-Partition Committee (Jawatankuasa Antipemisahan Palestin Singapura), manakala Abdullah Yahaya dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa tersebut.

Pada 27 Disember 1947, jawatankuasa tersebut telah menganjurkan perhimpunan yang dihadiri sekitar 500 orang bagi menyatakan bantahan terhadap

rancangan pemisahan Palestin.

Persatuan Melayu Singapura juga merupakan antara pertubuhan Melayu yang giat menyokong perjuangan rakyat Palestin yang terlibat dalam Perang Arab-Israel 1948.

Persatuan Melayu Singapura misalnya telah mengusulkan bantahan rasmi terhadap pendudukan Palestin oleh imigran Yahudi ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO pada 25 hingga 26 Januari 1948.

Selain itu, perjuangan membela rakyat Palestin turut disokong oleh Hizbul Muslimin dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ketika berlangsungnya Persidangan Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA) pada bulan Mac 1948 di Maahad al-Ihya' al-Syarif, Gunung Semanggol, Perak.

Perjuangan orang Melayu bagi membela nasib rakyat Palestin juga melibatkan penerbitan buku yang dapat menyedarkan orang Melayu agar peka terhadap isu penindasan

rakyat Palestin.

Antaranya ialah penerbitan buku berjudul *Perang Suci di Palestin* tulisan A.H. Edrus atau nama penuhnya Syed Abdullah bin Hamid al-Edrus (1912-1969). Lebih istimewa lagi, Mufti Jerusalem turut mengucapkan tahniah kepada beliau atas penerbitan buku tersebut pada 21 Mei 1948.

Buku tersebut dilaporkan bukan sahaja laris dijual di Tanah Melayu, tetapi turut mendapat sambutan yang meriah di Indonesia.

Di samping itu, orang Melayu turut memberikan sumbangan kewangan bagi mengurangkan penderitaan rakyat Palestin. Pada awal tahun 1949, sejumlah \$14,000 telah berjaya dikumpulkan oleh Singapore Muslim Palestine Relief Committee untuk disalurkan kepada pelarian rakyat Palestin.

Semua ini jelas menunjukkan sikap pemurah dan prihatin orang Melayu ketika itu terhadap nasib yang menimpa rakyat Palestin.

Jelaslah bahawa orang Melayu

mula bersimpati dan menyokong perjuangan rakyat Palestin sejak tahun 1930 lagi. Semua ini dapat menjelaskan mengapa sehingga kini isu perjuangan rakyat Palestin cukup dekat dengan hati orang Melayu.

Bagi orang Melayu, kedudukan Palestin yang jauh iaitu beribu batu dari Malaysia bukanlah satu halangan yang besar kerana nasib rakyat Palestin cukup dekat di hati orang Melayu.

Sejak sebelum Merdeka, perasaan simpati itu diterjemahkan dalam bentuk buah fikiran dan penentangan melibatkan tokoh perseorangan dan pertubuhan Melayu, di samping penerbitan buku dan bantuan kewangan bagi rakyat Palestin.

Selepas Merdeka, nasib rakyat Palestin terus mendapat tempat dalam jiwa orang Melayu terutamanya ketika tercetusnya Perang Arab-Israel 1967. Malah kerajaan Malaysia sendiri terus konsisten dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin sehingga kini.

Semoga orang Melayu terus konsisten memperjuangkan nasib rakyat Palestin dan semoga ada sinar kebahagiaan buat rakyat Palestin. - **PENULIS Dr Abu Hanifah Haris merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial di Universiti Malaya.**

Sajak

CERITA KOTA

*Kitalah manusia
terlahir dalam kekusaran
jendela dinihari
untuk berulangan mati
dalam misteri malam.*

*Seorang manusia ayah
adalah puncak pengharapan
seorang manusia ibu
adalah kata-kata penguhan
semua anak
adalah nyalaan matahari.*

*Dalam setiap kota
kekalahan bukanlah
pilihan paling akhir.*

**ZULKIFLI MOHAMED
Kemaman, Terengganu.**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

**UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!**



Biasiswa Pengajian Tinggi YWP

29 pelajar syukur terima bantuan

HAZIRAH HALIM

SERAMAI 29 pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) teruja menerima biasiswa pendidikan dari Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menerusi Majlis Penyampaian Cek Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP di Wisma YWP, Kampung Baru.

Bantuan pendidikan menerusi Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP tersebut khusus kepada pelajar terpilih di Wilayah Persekutuan yang melanjutkan pengajian sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi sesi 1, tahun 2020 dan 2021.

Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj** berkata pihaknya bersyukur kerana pemberian skim biasiswa yang tertangguh disebabkan pandemik COVID-19 lalu, akhirnya dapat diberikan kepada para pelajar.

**ABDUL RAHMAN****SHAZLEEN dan Muhammad Amir antara pelajar terpilih menerima Biasiswa Pengajian Tinggi YWP baru-baru ini.**

“Tajaan ini merupakan salah satu inisiatif YWP dalam pembangunan pendidikan dan diyakini mampu menjadi motivasi serta semangat kepada para pelajar untuk terus mendapatkan pendidikan yang terbaik.

“Jumlah pembiayaan keseluruhan bagi skim biasiswa pengajian ini

adalah sebanyak RM110,914.50 dan nilai pemberian biasiswa kepada para pelajar adalah di antara RM3,000 hingga RM4,500 bagi satu semester setiap seorang,” ujar beliau baru-baru ini.

Tambahnya, pembiayaan tersebut merupakan dana bantuan Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP yang

mana turut disumbangkan oleh UMW Holdings Berhad dan Tabung Haji.

“Saya harap sumbangan ini dapat menyuntik semangat para pelajar untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam bidang pengajian masing-masing dan semoga akan menjadi pemimpin hebat untuk keluarga, masyarakat setempat dan juga negara pada masa hadapan,” kata beliau.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Shazleen Suhaila Abas, 23, berkata biasiswa tersebut memberi peluang kepadanya untuk meneruskan pembelajaran dengan sempurna tanpa perlu bimbang akan faktor kewangan.

“Terima kasih YWP, UMW Holdings Berhad dan Tabung Haji kerana memberikan biasiswa ini kepada saya. Saya sangat bersyukur,” katanya.

Bagi pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Amir Zulqarnain Mohamed Rosly pula, dia tidak menyangka akan menerima

Info

ADUAN**DBKL**

Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8887 7000

Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL

03-2274 9333

Jabatan Agama Islam**Putrajaya**

03-8884 2600

Jabatan Agama Islam**Labuan**

087-415 311

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

biasiswa tersebut dan gembira dapat membantu meringankan beban keluarganya.

“Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YWP dan seluruh pihak terlibat. Saya percaya, dengan ini ia akan memberi semangat buat semua pelajar untuk terus cemerlang,” ujarnya. **WK**

Naskhah hebat buat rujukan penggiat seni dilancar

PENGALAMAN selama 18 tahun dalam dunia perfileman mendorong penerbit **Aron Koh** berkongsi pandangannya kepada penggiat industri dalam menghasilkan karya.

Buah fikiran tersebut digarap kemas bersama pengalaman dan pandangan yang diterjemahkan dalam buku yang berjudul *Lensa: Di Sebalik Kisah Pembikinan Filem Malaysia*.

Menurutnya naskhah tersebut bukan sahaja boleh dimanfaatkan oleh penggiat seni bahkan dapat digunakan bagi tujuan pendidikan kepada mereka yang berminat dalam industri perfileman Malaysia.

“Melaluinya mereka dapat memahami peraturan industri, menganalisis proses pembikinan filem dan mengenal pasti faktor kejayaan sesebuah filem serta adaptasi trend industri pasca pandemik.

“Saya juga yakin buku ini akan memberi inspirasi dan pandangan kepada pembikin filem baharu, lepasan ijazah dan yang sedang menunggu peluang serta pendedahan kepada pembuat filem luar negara tentang industri perfileman dalam Malaysia,” katanya pada majlis pelancaran di TGV Pavilion, Bukit Jalil baru-baru ini.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Datuk Kamil Othman.

Berpengalaman sebagai Pengurus Besar Akademi Filem dan TV Limkokwing, Aron berkata antara intipatinya berkisar tentang keadaan semasa industri filem Malaysia, cabaran dalam industri dan jalan ke hadapan untuk industri.

“Selain itu, analisa secara menyeluruh mengenai pemahaman dan pandangan saya terhadap industri, masalah yang dihadapi dan

**ARON (kanan) bersama Kamil pada Majlis Pelancaran buku *Lensa: Di Sebalik Kisah Pembikinan Filem Malaysia* baru-baru ini.**

cadangan yang kontra,” ujarnya buku tersebut turut diperakui oleh Blockchain Agency selain merupakan karya pertama pembuat filem Malaysia yang diletakkan di platform dagangan NFT.

Sebelum ini buku tersebut ditulis dalam bahasa Inggeris berjudul *ZOOM IN: The Untold Story of Malaysian Filmmaking*.

Aron yang juga Penerbit Lomo Pictures pernah menerbitkan filem popular seperti *Haunted Hotel* dan akan memperkenalkan tiga filem dan satu dokumentari iaitu *Tiga Adiwira*, *Syaitan Nirrajim*, *Dokumentari Asean Horror* dan *The Missing Child* yang bakal ditayangkan tahun hadapan. **WK**

Penggerak Belia Bandar Tun Razak hulur bantuan sempena Deepavali

PENGGERAK Belia Parlimen Bandar Tun Razak menggerakkan misi bantuannya kepada warga penduduk sekitar yang memerlukan sempena sambutan Hari Deepavali, baru-baru ini.

Penggerak Belia Parlimen Bandar Tun Razak yang diwakili oleh **Kapten (B) Mohd Fazrin Musa** ketika ditemui berkata inisiatif itu bertujuan untuk meringankan beban masyarakat khususnya komuniti India beragama Hindu dalam menyambut perayaan Deepavali.

“Sebagai lanjutan, kami akan jayakan program bantuan seumpama ini pada setiap minggu dengan menumpukan kepada kumpulan sasar iaitu golongan berpendapatan rendah (B40) yang

memerlukan.

“Misi yang sama akan dilaksanakan secara berkala dengan fokus utama adalah menyalurkan sumbangan berupa barangan keperluan dapur antaranya beras, susu, tepung, gula, minyak masak dan lain-lain,” katanya selepas menyerahkan bantuan kepada penduduk di sekitar kawasan perumahan Bandar Tun Razak.

Dalam pada itu, Mohd Fazrin berharap agar inisiatif yang dilaksanakan itu dapat membantu meringankan beban warga memerlukan seterusnya menepati aspirasi Kerajaan Perpaduan dalam menyantuni dan mensejahterakan rakyat. Turut hadir Pegawai Khas Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Kuek Zhi Han. **WK**

**MOHD FAZRIN (kanan) bersama Zhi Han (tengah) menyerahkan sumbangan kepada warga berbangsa India sempena sambutan Hari Deepavali.**

WK2

Bil 237, 17-23 NOVEMBER 2023

WILAYAHKU



Lestari Niaga @ Kuala Lumpur

Transformasi buat peniaga dan penjaja kecil

Foto: SYUQQREE DAIN/WK



Naik taraf gerai penjaja, bukti kerajaan peka nasib rakyat

Foto: SYUQQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI
DIANA AMIR

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan usaha penaiktarafan medan selera, gerai serta warung menerusi Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur.

Program tersebut merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Madani untuk mengindahkan semula serta menaik taraf fasiliti gerai-gerai peniaga dan penjaja kecil supaya golongan ini dapat menjalankan perniagaan dalam suasana kondusif.

Menurut Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim**, DBKL sedang melaksanakan penyelenggaraan di seluruh 68 pusat penjaja milik mereka di sekitar ibu kota.

"Sambil kita sibuk membangunkan gedung dan mercu tanda, usah kita sisihkan penjaja dan peniaga yang juga mahukan tempat selesa berserta kemudahan kepada mereka untuk mencari rezeki selain menjadi lokasi tarikan pengunjung," ujar beliau yang akan lebih berbangga jika Kerajaan Perpaduan memberi perhatian dan ruang yang baik kepada penjaja serta peniaga kecil di ibu kota serta bandar besar lain di seluruh negara.

Anwar berkata terdapat beberapa lokasi yang telah ditambah baik sepenuhnya seperti D'Anjung Selera Madani, Jalan Jujur, Bandar Tun Razak; Medan Selera Bandar Sri Permaisuri, Cheras; Kompleks Tun Sambanthan, Brickfields; Pusat Penjaja Madani, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan banyak lagi.

"Antara kerja-kerja naik taraf yang telah dijalankan melibatkan pengindahan fasad serta sistem lampu limbah, pertukaran dan penambahbaikan bumbung, kerja-kerja cat semula struktur bumbung dan dinding tepi, pendawaian semula, penggantian semula kipas dan lampu di ruang sama termasuk penggantian paip air yang pecah.

"D'Anjung Selera Madani telah ditambah baik dengan pembinaan semula 24 gerai berkunci dan tiga unit kios, dilengkapi kemudahan surau, tandas, rumah sampah yang

lebih kondusif serta 48 petak parkir kenderaan.

"Selain itu, terdapat enam pusat penjaja dan gerai milik DBKL di kawasan Brickfields iaitu di Kompleks Tun Sambanthan, Medan Selera Tempat Letak Brickfields, Kedai Bunga Little India, Kedai Burung Little India, Little India Seri Kota dan Kedai Bunga di Jalan Scott telah dinaik taraf serta kerja-kerja pengindahan telah dilaksanakan," jelas beliau kerajaan akan terus berusaha menyediakan kemudahan awam yang selesa dan diharapkan dapat memperkasa serta meningkatkan pendapatan peniaga seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi.

Dalam pada itu, Anwar turut menyeru semua kerajaan negeri supaya mempunyai dasar dan perancangan jelas dalam usaha menaik taraf dan mengindahkan gerai dan warung yang menyumbang kepada pendapatan rakyat terbanyak.

"Saya telah bincang dan jelaskan mengenai hasrat kerajaan kepada Menteri Besar, Ketua Menteri berkaitan usaha membangun kemudahan rakyat terbanyak ini, asasnya adalah untuk mengangkat martabat serta memberi penghormatan ihsan kepada golongan berpendapatan rendah," katanya dasar dan perancangan yang jelas amat penting dalam usaha menukar wajah suram medan selera, gerai dan warung secara menyeluruh di seluruh negara.

Sementara itu, Anwar berkata beliau berpuas hati dengan program yang dilaksanakan DBKL dalam mengindahkan gerai penjaja di sekitar kawasan ibu negara.

Menjadikan pembangungan semula medan selera D'Anjung Selera Madani sebagai contoh, Anwar berkata langkah menaik taraf pusat yang mempunyai 24 unit gerai dilengkapi kemudahan asas yang selesa, kondusif dan bersih itu adalah bertepatan dengan matlamat yang digariskan beliau dalam menukar wajah Kuala Lumpur sejak mengetuai kerajaan pada November tahun lepas.

"Setakat ini saya berpuas hati dengan pembangunan Kuala Lumpur, dan saya mahu dalam tempoh kurang tiga tahun ini, puluhan projek seperti ini (D'Anjung Selera Madani) dapat dilaksanakan bukan sahaja di ibu negara



Penambahbaikan beri keselesaan buat peniaga, pengunjung

INISIATIF kerajaan mengindahkan semula kawasan Anjung Selera dan Pusat Penjaja Madani di sekitar Kuala Lumpur ternyata memberi keselesaan bukan sahaja kepada peniaga malah pengunjung tatkala menikmati hidangan makanan yang disediakan.

Salah seorang peniaga di Pusat Penjaja Bandar Sri Permaisuri, Cheras, **Muhammad Fahmi Roshidi, 24**, berkata inisiatif kerajaan menaik taraf termasuk pemasangan bumbung tambahan di kawasan perniagaannya itu ternyata memberi keselesaan kepada pelanggannya yang menikmati makanan di gerai tersebut.

"Sebelum ini pelanggan hanya boleh makan di sebelah dalam kerana di luar terlalu panas dan apabila hujan mereka perlu berpindah-randah memandangkan ia adalah kawasan terbuka.

"Dengan pemasangan bumbung ini, kami sebagai peniaga juga boleh membuka lebih banyak meja seterusnya membantu menaikkan hasil jualan sekali gus menyumbang kepada sosioekonomi negara," katanya kepada *Wilayahku*.

Muhammad Fahmi berkata selain pemasangan bumbung, menerusi Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur pelbagai penambahbaikan serta kerja pengindahan semula telah dilakukan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

"Kemudahan seperti tandas dan taman permainan juga ditambah baik termasuklah lampu kipas yang telah rosak juga dibaiki. Saya sangat berterima kasih kepada pihak DBKL dan juga Perdana Menteri yang berusaha menaik taraf fasiliti di sini bagi memberi keselesaan kepada pelanggan kami," ujarnya yang mengharapkan masalah parkir akan turut diambil perhatian oleh pihak bertanggungjawab.

Bagi peniaga Gerai Suka Ramai Along Lily, Lily Darnina Turiman, 45, berkata rata-rata penjaja di D'Anjung Selera Madani Jalan Jujur, Bandar Tun Razak berpuas hati dengan fasiliti yang disediakan buat pengunjung.

"Sebelum ini bumbung agak rendah membuatkan kawasan gerai agak panas dan pengunjung tidak selesa untuk duduk lama namun setelah dinaik taraf kepada kawasan yang lebih kondusif, jumlah pengunjung juga semakin bertambah," ujarnya yang sudah berniaga di kawasan tersebut sejak tahun 1996.

Bagi peniaga di lokasi yang sama, **Muhammad Zafran Zainal Abidin, 42**, berkata antara masalah yang dihadapi oleh golongan peniaga di kawasan tersebut adalah saiz gerai yang kecil berbanding dahulu.

"Kedai baru ini banyak peningkatan yang baik dari segi kebersihan, pengurusan mahupun hasil perniagaan di mana jumlah pelanggan yang datang juga semakin bertambah namun apa yang menjadi persoalan adalah saiz gerai kami yang kecil sekali gus membuatkan langkah kerja kami sedikit terhad.

"Walaupun begitu, kami turut berterima kasih kepada pihak DBKL kerana memberi peniaga tapak yang baru dengan suasana yang lebih selesa," jelasnya sewa mahal bukanlah satu isu namun keselesaan peniaga adalah lebih utama di mana gerai yang besar membolehkan mereka mempelbagaikan menu.

Terdahulu, Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur merupakan cetusan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membantu membangunkan dan menaik taraf infrastruktur serta fasiliti penjaja di Kuala Lumpur di mana sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan oleh pihak DBKL dengan menfokuskan 68 pusat penjaja di 20 lokasi. **WK**



reaksi



EMI MARLINDA

"KEBANYAKAN

gerai di bawah Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur kini lebih cantik dan bersih selepas dinaik taraf membuatkan pengunjung seperti saya selesa untuk datang makan dan duduk lama di kedai tersebut selain tidak lagi perlu tergesa-gesa keluar."

EMI MARLINDA ABD RAZAK, 25



UMI KALSOM

"SELEPAS bumbung tambahan dipasang ia memberi lebih keselesaan kepada pengunjung di mana lebih banyak meja dapat dibuka seterusnya membantu menaikkan jualan buat para peniaga di Pusat Penjaja Bandar Sri Permaisuri ini."

UMI KALSOM ZAKARIA, 41



QISTINA FISHA

"SELAIN menambah baik fasiliti seperti surau, tandas dan gerai, pihak bertanggungjawab juga perlu menaik taraf ruang parkir kerana ia juga antara salah satu keselesaan lebih-lebih lagi ketika waktu puncak."

QISTINA FISHA MOHAMAD FISOL, 25



NURUL AIN SELWA

"APABILA kerja-kerja pengindahan dilakukan di Kompleks Tun Sambanthan, Brickfields maka ia menarik lebih ramai pengunjung datang ke gerai-gerai kami tambahan pula sini merupakan kawasan tumpuan pelancong."

NURUL AIN SELWA ABDULLAH, 62



PENGUNJUNG dan peniaga dapat menikmati persekitaran yang lebih bersih dan kondusif.





DEEPAVALI disambut meriah bersama ahli keluarga, sanak-saudara dan rakan-rakan.



Deepavali semai sikap baik, jauhi kejahatan



SHUAIB AYOB

PERAYAAN Deepavali atau dikenali sebagai Diwali merupakan hari kebesaran yang disambut penganut Hindu pada hari ke-14 bulan Aipasi dalam kalendar Tamil setiap tahun.

Perkataan Deepavali merupakan gabungan 'Dipa' yang bermaksud cahaya dan 'Gavali' yang bererti barisan.

Menurut lagenda, Raja Naragasura yang terkenal dengan kekejaman serta sering memeras ugut rakyatnya telah dikalahkan dan dibunuh oleh Dewa Maha Krishnan.

Dikisahkan sebelum mati, Raja Naragasura meminta

agar rakyatnya meraikan hari kemenangan itu sebagai peringatan untuk menjauhi godaan hantu dan syaitan serta sentiasa berbuat baik dan menjauhkan diri daripada melakukan kejahatan sesama manusia.

Sebagai mendukung semangat perpaduan dan muhibah, lensa *Wilayahku* sempat merakam upacara keagamaan Deepavali di Kuil Kottu Malai Pillayar, Pudu di Kuala Lumpur baru-baru ini. **WK**



MASYARAKAT India hadir ke kuil untuk melakukan upacara keagamaan sempena Sambutan Perayaan Deepavali ketika tinjauan lensa *Wilayahku* di Kuil Kottu Malai Pillayar, Pudu, Kuala Lumpur.



SEORANG bapa meletakkan hiasan wajib kumkum di atas dahi anak perempuannya.



TURUT kelihatan kaum Cina juga hadir untuk upacara keagamaan sempena Sambutan Hari Deepavali.



SEORANG penganut India meletakkan pelita yang telah dinyalakan ketika upacara keagamaan.

"Anak Palestin anak kita juga" - Ifa Raziah



DEEL ANJER

SELEBRITI popular **Ifa Raziah** menzahirkan perjuangan menentang Palestin menerusi penganjuran Himpunan Kemanusiaan Palestin yang berlangsung sempena Karnival StarVendors Penang Foodstival di Juru Auto City, Pulau Pinang baru-baru ini.

Menurutnya, jika melihat kepada kesengsaraan rakyat Palestin maka kita yang hidup dalam negara yang aman dan makmur ini harus sentiasa mensyukuri kehidupan.

"Kita perlu sentiasa mengingati nasib rakyat Palestin dan bebas melaungkan kebebasan dengan cara masing-masing. Dalam kita bergembira, jangan dilupakan saudara seagama.

"Apatah lagi angka kematian semakin meningkat dari hari ke hari. Saya tak boleh bayangkan mereka

dibunuh dengan kejam di tanah milik mereka sendiri.

"Ingat! Anak Melayu anak kita, anak Cina anak kita, anak India anak kita dan anak Palestin anak kita juga," katanya penuh bersemangat.

Terdahulu, pelbagai pengisian menarik diadakan sepanjang solidariti tersebut antaranya sesi tazkirah bersama Ustaz Wadi Anuar. Ia turut menghimpunkan lebih 45 selebriti yang bersemangat melaungkan kebebasan Palestin.

"Penglibatan selebriti tersebut sekali gus menaikkan lagi semangat masyarakat untuk menentang kezaliman ini. Selain itu, artis Mila Jirin turut menyalurkan semua kutipan jualan kepada Tabung Palestin," ujarnya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif StarVendors.

Antara selebriti yang terlibat The Melvins, Kiah Propa, Zarina Zainuddin, Ayu Damit, Risteena, Nadia Brian, Salina Saibi, Noraniza Idris, Faezah Elai, Kelly Azman dan ramai lagi. **WK**



IFA RAZIAH (tengah) mengibarkan bendera Palestin di Pulau Pinang baru-baru ini.

Hadiah istimewa Exists buat peminat



ANGGOTA kumpulan **Exists**.

KUMPULAN **Exists** bakal menjayakan konsert **Exists X Orkestra** pada 22 Disember depan sebagai menghargai peminat setia mereka selama ini.

Teruja dengan konsep orkestra yang pertama kali akan diketengahkan selepas 32 tahun berada dalam industri, **Exists** bakal memberi anugerah istimewa buat peminat kelak.

Menurut **Along Exists**, lebih 40 peratus persiapan sudah dijalankan dan berharap semuanya seperti yang dijadualkan.

"Sejujurnya memang tidak begitu mudah menjayakan **Exists X Orkestra** ini tapi kami menikmati dan belajar melalui proses demi proses termasuk menyiapkan semua susunan lagu.

"Kemudian kami serahkan kepada *arranger* muzik orkestra untuk digabungkan susunan muzik bersama. Fasa seterusnya adalah saat yang dinantikan iaitu sesi latihan **Exists** dan orkestra. Apa yang pasti, gabungan kami akan menghasilkan semua lagu ke tahap yang lebih sedap," katanya.

Ujar **Along** lagi, peminat yang hadir ke konsert di Megastar Arena tersebut akan menjadi saksi lagu pertama yang dirakam mereka iaitu **Rahsia Pohon Cemara** dipersembahkan dengan mewah dalam balutan orkestra.

Rahsia Pohon Cemara dihasilkan sepenuhnya oleh **LY** pada tahun 1991 dan terdapat dalam album pertama berjudul **Exist**. Pada konsert tersebut, **Exists** akan menghasilkan **Rahsia Pohon**

Cemara dalam versi yang berbeza.

"Lagu tersebut punya nilai sentimental buat **Exists** kerana inilah lagu pertama yang kami rakamkan dan termuat dalam album sulung. Untuk konsert ini, pertama kali di **Exists X Orkestra**, **Rahsia Pohon Cemara** dipersembahkan dengan sangat istimewa," ujarnya.

Tiket dijual bermula RM 568, RM 468, RM 368, RM 268 dan RM 168 dan boleh dibeli menerusi laman sesawang www.MyTicket.Asia. **WK**

Faizal Tahir lelong koleksi kesayangan

RAMAI selebriti tampil menzahirkan protes terhadap kekejaman tentera Israel kepada masyarakat Islam di Palestin.

Terbaharu, penyanyi dan komposer **Faizal Tahir** berjaya mengumpul dana sebanyak hampir RM44,000 menerusi acara **Faith 4 Palestin** anjurannya baru-baru ini.

"*Alhamdulillah*, syukur kepada Allah. Saya memang tak sangka acara amal ini (**Faith 4 Palestin**) dapat mengumpul jumlah sumbangan yang besar dan mendapat sambutan sangat baik. Ia satu pencapaian bermakna buat saya kerana perancangan dibuat dalam masa singkat.

"Hanya dua minggu saja saya dan pasukan merancang. Boleh dikatakan acara ini macam main langgar saja sebab memang tak boleh nak tunggu lama. Bantuan sangat diperlukan oleh saudara kita di Palestin. Jadi, apa lagi yang saya boleh buat melainkan dengan cara ini," katanya.

Menerusi lelongan barangan peribadi miliknya, **Faizal** gembira berjaya menjual kesemuanya dan memperoleh jumlah sumbangan keseluruhan sebanyak RM15,022.99 selain kira-kira RM25,437.22 kutipan jualan tiket *showcase*.

Antara barangan lelongan **Faizal** kepada penonton pada

acara **Faith 4 Palestin** adalah jaket, trofi kemenangan Anugerah Juara Lagu (AJL), kasut dan dua buah gitar, termasuk koleksi 47 figura aksi miliknya.

"Trofi AJL itu, saya dapat ketika lagu *Assalamualaikum* yang juga penyertaan terakhir saya dalam acara anugerah berkenaan. Selain itu, salah satu gitar yang dijual adalah pemberian istimewa daripada isteri tercinta.

"*Alhamdulillah*, dia beri izin untuk saya jual gitar yang dibeli dengan harga RM6,399.99 itu demi acara amal ini. Semua ini saya lakukan dengan ikhlas walaupun kesemua barangan yang dilelong itu adalah

kesayangan dan cukup bermakna.

"Tapi, inilah cara sebenar iaitu belajar menguatkan hati untuk melepaskan barangan yang betul-betul disayangi dengan ikhlas kerana Allah," katanya.

Faizal juga turut mengundang aktivis **Nadir Al Nuri** dari badan bukan kerajaan (NGO) **Cinta Gaza Malaysia** untuk berkongsi kisah kemelut Palestin yang masih berlaku ketika ini.

Penyanyi **Syamel** juga hadir menghiburkan penonton, selain **Faizal** turut membawa enam orang anaknya naik ke atas pentas buat kali pertama untuk menyanyi bersama dengannya. **WK**



FAIZAL TAHIR

Kenali sejarah Prang Besar di Putrajaya Story



Foto: SYUQQREE DAIN

DIANA AMIR

SELAIN dikenali dengan reka bentuk bangunan ikonik, Putrajaya kini dipenuhi dengan pelbagai lokasi menarik wajib singgah iaitu Putrajaya Story. Terletak di Presint 1, Putrajaya Story merupakan sebuah galeri tertutup yang terletak di Souq Putrajaya berhampiran Dataran Putra dan Masjid Putra.

Destinasi popular ini menjadi tarikan pengunjung yang singgah ke Putrajaya kerana keunikannya yang menceritakan kisah di sebalik kewujudan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan tersebut.

Menurut Pengurus Pembangunan Perniagaan Souq Putrajaya, **Ridzwan Ali**, galeri tertutup ini hanya berkeluasan 6,000 kaki persegi namun mampu memuatkan lebih 20 pameran dengan bertemakan *It's*

Time to Discover Putrajaya Story.

"Putrajaya Story menonjolkan pameran interaktif keunikan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara seperti Fotografi Panorama Putrajaya, seni bina bangunan ikonik, jambatan, 3D Art Wall, Diorama Tasik dan Cruise, Floria Tunnel, Bird Watching Area, Water Sport Activities and Hot Air Balloon, Lukisan Magis Glow In The Dark serta galeri mengenai tokoh penting negara.

"Ia berkonsepkan 3E iaitu Pendidikan (*Educational*), Pengalaman (*Experience*) dan Keronokan (*Enjoyable*) dan dalam masa yang sama menjadi tempat paling *instagrammable* dan lokasi tumpuan bagi *TikTokers* di Putrajaya," ujarnya galeri tertutup ini mula dibuka pada 22 Oktober 2022.

Berkongsi mengenai penubuhan Putrajaya Story, Ridzwan berkata tujuannya adalah untuk berkongsi pengetahuan tentang peranan dan perkembangan penubuhan Putrajaya sejak dari Prang Besar hingga ke Putrajaya pada masa kini.

"Ia tidak hanya tertumpu kepada kecanggihan bangunan kerajaan, pejabat, kompleks komersial dan perumahan moden yang dikelilingi taman dan tasik serba indah sahaja," katanya Putrajaya Story cuba merungkai pelbagai keunikan lain yang perlu diketengahkan serta menjadi tumpuan pelawat dan pelancong yang hadir ke Putrajaya.

Tambahnya, Putrajaya Story ini adalah inisiatif syarikat DR Group Holdings Sdn Bhd yang merupakan syarikat sama menubuhkan Muzium Coklat (Chocolate Museum) di Kota Damansara, Selangor.

"Putrajaya Story ini ditubuhkan untuk menjadi sebahagian daripada pelan pembangunan *Tourist One Stop Centre* yang terletak di Dataran Putra agar pusat pentadbiran kerajaan persekutuan ini lebih kondusif serta *vibrant* dan berupaya menarik pelawat dan pelancong ke Putrajaya.

"Kita telah menerima pelbagai lapisan pengunjung dari dalam dan juga luar negara di mana sehingga

kini kira-kira 85,000 pelancong telah memilih Putrajaya Story sebagai lokasi wajib singgah," katanya.

Ridzwan berkata untuk terus memacu industri pelancongan di Putrajaya, pihaknya terus menawarkan harga tiket promosi sehingga menjelang akhir tahun 2024.

"Ia bermula dengan harga serendah RM3 untuk kanak-kanak dan RM5 (dewasa) bagi warganegara Malaysia manakala RM4 hingga RM7 bagi pelawat luar negara. Lawatan berpandu juga diadakan berdasarkan permohonan yang dikendalikan oleh kakitangan Putrajaya Story," jelasnya bagi kanak-kanak 3 tahun ke bawah dan Orang Kurang Upaya (OKU) kemasukan adalah percuma.

KEDAI COKLAT TERBESAR DI LEMBAH KLANG


PENGEMBARAAN pengunjung Putrajaya Story akan berakhir di bahagian kedai Coklat Souq

Shopee di mana mereka berpeluang membeli-belah pelbagai jenis coklat dari jenama tempatan dan luar negara di pusat jualan coklat terbesar Lembah Klang itu.

Ridzwan berkata Souq Shoppe @ Putrajaya itu telah beroperasi sejak 15 Oktober 2021 dan menjual lebih 300 jenis coklat berjenama serta produk wangian bertaraf antarabangsa setaraf dengan Pulau Langkawi dan Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

Selain itu, tambahna lagi terdapat pelbagai kemudahan lain yang disediakan di Souq Putrajaya antaranya taman permainan kanak-kanak (*outdoor*), kios sewaan basikal dan permainan kanak-kanak, restoran serta kafe, jeti Cruise Tasik Putrajaya, tandas awam serta kedai cenderamata.

"Pihak Souq Putrajaya juga sedang giat untuk membangunkan pelbagai tarikan lain pada tahun 2024 bagi menampung jumlah pelawat dan pelancong yang semakin meningkat," katanya. **WK**



PENGUNJUNG berpeluang bergambar bersama replika kereta mini Hershey.

Presint 1, 62000 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan
Putrajaya

019-859 8159

Putrajaya Story
(9 pagi hingga 5 petang)
Souq Shoppe (9 pagi hingga
9 malam)

@putrajayastory
@putrajaya.story



Keunikan nama 5ive6ix Burger bawa buah



Foto: SYUQOREE DAIN

HAZIRAH HALIM

KEENAKAN burger tepi jalan memang diakui oleh sesiapa sahaja. Bukan sahaja sedap malah harga yang ditawarkan juga murah sekali gus menjadikan ia pilihan ramai.

Pun begitu, seiring peredaran masa, burger tersebut juga melalui transformasi yang membuatnya mampu bersaing dari segi keenakan dengan burger popular keluaran syarikat makanan segera ternama yang ada.

Salah satunya, 5ive6ix Burger yang terletak di Jalan Dwi Tasik, Bandar Sri Permaisuri Cheras, Kuala Lumpur. Ia menampilkan pelbagai jenis *smashed burger* selain sos buatan sendiri dengan berkonsepkan *American Style*.

Menurut Pengurus Operasinya, **Nabil Sabiq**, 32, pelanggan boleh memilih sama ada ingin membeli secara berasingan dengan harga bermula RM10 hingga RM22 mengikut jenis pilihan burger atau hidangan set yang disajikan bersama air dan kentang goreng.

"Hot selling kita adalah *spicy green beef burger*, *beef streaky burger* dan *56 cheesy beef* atau *chicken*. Tiga menu ini sentiasa menjadi pilihan ramai kerana rasa *cheese* yang melimpah, inti daging yang padat serta keenakan sos."

"Menu yang paling digemari ramai ialah *spicy green beef burger*



NABIL (tengah) sedang melayan pelanggan yang datang ke gerai 5ive6ix burger.

yang ditambah dengan sambal hijau buatan sendiri serta sayur-sayuran," katanya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, bagi yang gemar masakan pedas pula, disarankan untuk memilih *spicy red chicken* dan *spicy green beef* atau menambah sos.

"Kadang-kadang ada pelanggan memang suka makan pedas tapi tak nak pedas sangat. Jadi kami buat keputusan dengan menghasilkan sos yang semua orang boleh makan."

"Sudah semestinya, cita rasa pelanggan keutamaan kami. Sudah tiga kali sebenarnya 5ive6ix Burger menukar menu burger supaya ia betul-betul kena dengan selera mereka," ujarnya.

Tambahnya, mereka sangat mementingkan kualiti dan disebabkan

itu, roti 5ive6ix Burger hanya mampu bertahan selama tiga hari sahaja untuk memastikan pelanggan sentiasa mendapat roti yang segar dan sedap.

"Kita mahukan rasa yang sedap dan mengekalkan kualitinya agar keenakannya sentiasa kekal dalam ingatan pembeli," ujarnya yang mampu menjual sekurang-kurangnya lebih 100 biji burger sehari dengan memfokuskan kepada warga penduduk sekitar Cheras, Kuala Lumpur.

Menariknya, Nabil berkata selain penduduk sekitar Cheras, dia juga pernah menerima tempahan burger dari pelanggan di Rawang, Shah Alam termasuklah Pulau Pinang.

5ive6ix Burger terbahagi kepada dua jenis iaitu daging dan ayam antaranya *classif beef 5ive6ix* (RM16), *sunny side up* (RM18), *spicy green beef* (RM18), *beef streaky burger* (RM22) dan *56 cheesy beef* (RM22), *classic chicken 5ive6ix* (RM16), *spicy red chicken* (RM18) dan *56 cheesy chicken* (RM22). WK

Menu terhangat 5ive6ix Burger

KEUNIKAN nama 5ive6ix Burger yang digunakan ternyata membawa buah apabila orang ramai sudah mula mengenalinya sejak ia tular menerusi platform media sosial TikTok.

Nabil berkata nama itu diambil sempena nombor poskod di lokasi berkenaan selain ia lebih mudah diingati pelanggan.

"Diharapkan agar nama ini akan terus membawa buah dan perniagaan ini mampu menembusi pasaran tempatan. Dalam masa yang sama, saya berhasrat untuk mendapatkan sebuah kiosk jualan atau lot kedai bagi memudahkan urusan perniagaan."

"Cabaran utama adalah ketika waktu hujan di mana khemah akan terbang selain kita tidak dibenarkan untuk menyimpan barang di sini. Jadi, lepas habis meniaga, kena buka semua khemah dan bersihkan kawasan ini."

"Jadi, besarlah harapan kami untuk ada sebuah kiosk atau lot kedai supaya senang untuk berniaga," ujarnya berharap 5ive6ix Burger akan terus maju dan dikenali sebagai burger tepi jalan yang berjaya. WK



info

Jalan Dwtasik 1, Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur (berhadapan RHB Bank)

Isnin hingga Sabtu (5.30 petang hingga 12 tengah malam) / Ahad (Tutup)

018-989 2454

@5ive6ixburger



MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!

Dapatkan juga versi e-paper WILAYAHKU di www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:



Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku) [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku) [WkTV](https://www.youtube.com/channel/UCWkTV)

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500

SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500

SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500

PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS **RM3,000**

BANNER TENGAH **RM2,500**

BANNER TEPI **RM2,500**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Berwaspada hadapi musim tengkujuh

MONSUN Timur Laut (MTL) atau biasa disebut musim tengkujuh, kini sudah bermula. Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), secara rasmi ia bermula pada Sabtu 11 November lalu dan dijangka berterusan sehingga Mac tahun hadapan.

Sering kali dikaitkan dengan musim tengkujuh ialah banjir yang melanda seluruh negara, terutama di kawasan rendah serta sistem pengaliran air kurang berkesan. Jika dahulu banjir sering melanda negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu, sekarang tidak lagi.

Sebaliknya negeri-negeri lain seperti Johor, Kedah, Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur juga turut dilanda. Pendek kata, banjir kini sudah tidak bertumpu hanya kepada kawasan yang dianggap lumrah seperti dahulu, sebaliknya melanda banyak tempat di seluruh negara.

Sebenarnya banjir sudah melanda beberapa kawasan di Kedah dan Perak serta WP Kuala Lumpur sebelum 11 November ekoran hujan lebat dan kenaikan paras air laut. Rentetan itu ratusan penduduk dipindahkan ke beberapa pusat sementara.

Di Kuala Lumpur, Adi percaya ramai sedar keadaan cuaca sukar diramal. Panas pagi tidak bererti sampai ke petang. Hujan pada tengah hari, dan selalunya pada sebelah petang, menjadi ciri harian di ibu negara.

Akibat hujan lebat yang berterusan, beberapa kawasan di ibu negara dilanda banjir. Ada yang menyebutnya sebagai banjir kilat. Namun bagi Adi, banjir adalah banjir, kilat atau tidak. Yang pasti kawasan tertentu ditenggelami air, kenderaan terperangkap dan pergerakan orang ramai tersekat.

Kuala Lumpur juga tidak terlepas. Setiap kali hujan lebat berterusan, pasti akan ada kawasan ditenggelami air. Fenomena ini sudah bermula sejak awal Oktober



ORANG ramai diminta untuk sentiasa siap sedia dan mematuhi arahan pihak berkuasa.

lalu. Kawasan Cheras, Chan Sow Lin, Jalan Raja Chulan, Jalan Kinabalu, Jalan Loke Yew dan Jalan Travers antara yang terjejas.

Ini terjadi kerana proses penyerapan dan pengaliran air bertakung mengambil masa. Keadaan diburukkan dengan sistem saliran yang terhalang akibat tangan manusia. Ramai suka membuang sampah sarap sesuka hati ke dalam sungai dan longkang menyebabkan aliran air tersekat.

Tentu sahaja dalam keadaan begini tidak membantu mengalirkan air sedangkan curahan hujan lebat mengumpul air lebih cepat berbanding pengaliran. Kerana itu banjir tidak dapat dielak.

Satu lagi punca, pada pandangan Adi, ialah kerana jumlah kolam takungan yang terhad di Kuala

Lumpur sehingga tidak dapat menampung isi padu air yang banyak pada satu-satu masa. Air bergenang ini akan bertahan untuk beberapa ketika menyebabkan banjir.

Mungkin ada yang berfikir kenapa masih berlaku banjir di Kuala Lumpur memandangkan ada terowong SMART mengalihkan air banjir ke kolam takungan. Namun perlu diingat takungan ini hanya meliputi kawasan tertentu. Air di luar kawasan liputan ini masih menyebabkan banjir.

Kerana itu sebagai usaha meminimumkan ancaman banjir ini di ibu kota khususnya, sistem pengaliran air hujan perlu ditambah baik. Longkang dan sungai diperdalam, kolam tadahan diperbanyak. Dalam hubungan ini Adi harap orang ramai turut membantu dengan tidak membuang sampah atau bahan buangan sesuka hati agar laluan air tidak tersumbat.

Adi kesal dengan tahap sivik yang rendah di kalangan segelintir orang ramai yang tidak pedulikan kebersihan alam sekitar. Mereka tidak ambil pusing bahawa perbuatan membuang sampah pada laluan air mencemarkan longkang dan sungai hingga tersumbat.

Malah kerap kali terdapat syarikat pembinaan yang tidak bertanggungjawab mencampakkan bahan buangan pembinaan merata-rata. Pihak penguat kuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mesti mengambil tindakan keras terhadap mereka.

Adi sedar kerajaan dan DBKL tidak berdiam diri menghadapi

isu banjir di ibu kota. Antaranya bersiap sedia di kawasan terdedah banjir dengan kelengkapan menyedut air bertakung dan mengalihkannya ke kawasan laluan air. Selain itu tebing juga diwujudkan dalam usaha mengurangkan 'serangan' air.

Usaha ini disifatkan sebagai langkah sementara. Kerana itu DBKL mempunyai pelan jangka panjang menyediakan lebih banyak kolam takungan air berkapasiti tinggi. Termasuk dalam perancangan ini ialah pembinaan takungan air bawah tanah.

Takungan air bawah tanah lebih ekonomik kerana tidak memerlukan kawasan tanah yang luas untuk membina kolam takungan. Sebaliknya takungan ini dibina di bawah tanah sementara di atasnya dijadikan laluan biasa.

Memang agak rumit pembinaan tetapi hasilnya berkesan. Diharap projek ini menjadi kenyataan dalam tempoh tidak terlalu lama. Mungkin apa yang bakal dilaksanakan di ibu negara ini boleh dilaksana di negeri lain yang memerlukan.

Sekadar pesanan Adi, ketika musim tengkujuh ini berhati-hatilah dalam setiap pergerakan. Ingat, air ketika kecil ialah kawan. Jika sudah besar ialah adalah lawan. Sifatnya sama juga seperti api. Kerana itu waspada menghadapi air banjir.

Bagi warga kota di mana kawasan kediaman berhampiran pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT), Aliran Transit Massa (MRT) atau monorel, elok gunakan khidmat pengangkutan berkenaan. LRT, MRT dan monorel

kurang terdedah kepada risiko banjir.

Sentiasalah bersiap sedia dan mematuhi arahan pihak berkuasa. Jika diarah berpindah, lakukanlah tanpa bertangguh atau banyak soal jawab. Keselamatan diri lebih utama. Juga simpan semua dokumen penting di tempat selamat.

Adi harap kita sama-sama berdo'a semoga musim tengkujuh kali ini tidak mendatangkan risiko besar kepada kita semua, baik di WP atau tempat lain.

Adi—Teringat main rakit batang pisang.

Adi Trah

RAGAM KOTA

F#minor

KHABARNYA...

Kat sini laa, si Pojes tiba-tiba ghaib Wak Kam...

Sah!!



...KALAU ORANG HILANG DIHUTAN, MUNGKIN DISOROK MAKHLUK HALUS...

KALAU BARANGAN ASASI TIBA-TIBA GHAIB DIPASARAN

Makhluk mana yang sorokkan?!



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Sajak

DI DAUN KACA

*Di daun kaca
aku melihat cahaya
melakukan pembalikan
hijau dan kuning*

*Kuning di atas dan
hijau di bawah
mengendong maruah
yang tercalar*

*Luka-luka itu dicernakan
dalam arus cahaya damai
yang mengalir.*

ISMAIL HASHIM.



KHAIRUL IDIN

ASB bina terminal pertukaran kru kapal bernilai RM15 juta

ASIAN Supply Base (ASB) Sdn Bhd mengumumkan bakal membina sebuah terminal pertukaran kru (pekerja minyak dan gas bernilai RM15 juta bagi memenuhi keperluan aktiviti keluar masuk kru minyak dan gas di perairan Labuan dan Sabah.

Projek terminal yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024 akan menempatkan pelbagai agensi penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Jabatan Kesihatan Malaysia bagi memudahkan pengurusan dokumentasi pertukaran kru minyak dan gas.

Menurut Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah, **Datuk Phoong Jin Zhee**, pembinaan terminal itu akan memberi manfaat dan meningkatkan ekonomi Labuan dengan kemasukan para pekerja minyak dan gas setiap hari.

Katanya, perkembangan positif ini dijangka akan menarik lebih banyak pelaburan ke Labuan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi Labuan.

"Kami memberi tumpuan kepada perkembangan positif ASB sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Sabah dan kami harus memastikan operasi terminal pertukaran kru minyak dan gas di pangkalan ASB berjalan dengan lancar.



PHOONG (tengah) ketika merasmikan pelancaran Kapal Landing Craft milik ASB Sdn Bhd.

"Kepulangan aktiviti penukaran kru ke Labuan akan memberi impak positif yang ketara di pulau itu, dengan ratusan kru tiba dan berlepas setiap hari sebaik pertukaran kru bermula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembinaan

Terminal dan Pelancaran dua buah kapal Landing Craft Tank milik ASB iaitu ASB Marine 1 dan ASB Marine 3.

Beliau yang mewakili Ketua Menteri Sabah berkesempatan meninjau kedua-dua buah kapal Landing Craft Tank yang bakal digunakan oleh Petronas

untuk pengangkutan bekalan antara pantai dan luar pesisir serta projek Safina Fasa 1.

Hadir sama Pengerusi ASB, Datuk Suhaili Abd Rahman; Ketua Pegawai Eksekutif ASB, Japar Esteban dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Mengulas lanjut, Phoong berkata ASB telah mendapatkan kemudahan pelayaran terus dari pelabuhan ASB bagi kru dan kapal ke fasiliti pelantar minyak di perairan Sabah daripada kerajaan Negeri Sabah melalui pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri Sabah (PHEDNP) pada 22 April tahun lalu.

"Ia diselenggarakan melalui Jabatan Imigresen Labuan, sekali gus memastikan pergerakan keluar masuk pekerja minyak dan gas ke pelantar minyak lebih lancar di sekitar Perairan Sabah," jelasnya.

Terdahulu, ASB Sdn Bhd adalah sebuah (GLC) Sabah yang berpangkalan di Labuan mengendalikan pangkalan bekalan luar pesisir yang menyokong aktiviti penerokaan, pembangunan dan pengeluaran (EDP) minyak dan gas di luar pantai Sabah dan Sarawak.

WK



SIMSUDIN (depan, tengah) bersama 27 ketua kampung pada Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan JPKK baru-baru ini.

27 ketua kampung di Labuan dilantik bagi tempoh dua tahun

SERAMAI 27 ketua kampung menerima Watakah Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Wilayah Persekutuan Labuan bagi penggal 2023 hingga 2025.

Sesi penyampaian watakah kepada 27 Pengerusi JPKK tersebut disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek** di salah sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Dalam ucapan perasmian tersebut, Simsudin berkata pelantikan itu merupakan perkara yang dinanti-nantikan oleh semua pihak terutamanya penduduk-penduduk kampung tersebut.

"Alhamdulillah, perkara ini telah dapat dilaksanakan dengan kesepakatan di antara parti-parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya mengucapkan syabas dan tahniah mereka yang telah dipilih untuk menggalas tugas sebagai Pengerusi JPKK

atau ketua kampung bagi tempoh dua tahun iaitu bagi tahun 2023 sehingga tahun 2025," katanya.

Tambahnya, beliau menaruh harapan tinggi kepada barisan Pengerusi JPKK yang telah dilantik untuk memimpin pentadbiran kampung.

"Saya juga mengharapkan setiap Pengerusi JPKK dapat bekerjasama dalam melaksanakan apa jua aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kerajaan, swasta ataupun badan bukan kerajaan (NGO) sekali gus memberi manfaat dan membawa kesejahteraan kepada penduduk kampung.

"Peranan ketua kampung sangat penting untuk memastikan keperluan dan masalah penduduk diambil peduli serta memainkan peranan menjadi orang tengah untuk menyampaikan maklumat dari pihak kerajaan khususnya bagi program dan aktiviti yang melibatkan penduduk," jelasnya.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. WK

KRT Lubok Temiang rangkul tempat kedua Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2023

KAWASAN Rukun Tetangga (KRT) Kampung Lubok Temiang mencipta sejarah apabila diumumkan naib johan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2023 bagi Kategori Pengurusan Rukun Tetangga Terbaik, baru-baru ini.

Pengerusinya, **Awangku Sazali Pengiran Salleh** berkata kejayaan itu bukan sahaja mengharumkan nama KRT Kampung Lubok Temiang malah turut menaikkan nama Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kejayaan ini amat manis bagi kami kerana anugerah ini menjadi rebutan KRT di seluruh negara lebih-lebih lagi KRT kami adalah calon tunggal dari Borneo yang tersenarai dalam kategori itu.

"Sebelum ini Kampung Lubok Temiang meraih beberapa kejayaan antaranya naib johan Anugerah Ilham Desa 2021 peringkat kebangsaan dan johan Pertandingan Aspirasi Kampung Sejahtera 2022 Peringkat Wilayah Persekutuan.

"Jawatankuasa KRT Lubok Temiang sentiasa mengutamakan pengurusan secara teratur selain menganjurkan program-program berasaskan perpaduan kaum dan memperkasakan ekonomi komuniti selari dengan peranan KRT sebagai penggerak kepada aspirasi kerajaan untuk memperkasa rakyat," katanya kepada Wilayahku.

Tambahnya, KRT Kampung Kilan Pulau Akar yang juga mewakili Labuan turut melakar kejayaan apabila mendapat tempat kelima dalam kategori Anugerah Projek Ekonomi Terbaik.

Sebanyak 8,938 KRT seluruh negara menyertai Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2023 yang mempertandingkan lapan kategori iaitu Anugerah Jiran Muda Terbaik, Anugerah Jiran Wanita Terbaik, Anugerah Jiran Warga Emas Terbaik, Anugerah Tunas Jiran Terbaik, Anugerah Skim Rondaan Sukarela Terbaik, Anugerah Projek Ekonomi Terbaik dan Anugerah Pengurusan Rukun Tetangga Terbaik.

Terdahulu, majlis penyampaian anugerah tersebut disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang di Bangi Avenue Convention Centre, baru-baru ini. WK



KRT Lubok Temiang menerima hadiah wang tunai RM8,000 pada Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2023.

PERADUAN MEWARNA PM237

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:


NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM237".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **25 NOVEMBER 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 239**.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKA SILANG KATA SK237****MELINTANG**

2. Zakat yang diwajibkan ke atas setiap individu
3. Asas
6. Bulan kesembilan dalam tahun Hijrah
8. Arah matahari terbenam
10. Makan di awal waktu pagi
11. Bahagian atau bab di dalam Al-Quran

KE BAWAH

1. Diciptakan daripada api
4. Rukun Islam keempat
5. Pengembara
7. Solat sunat hanya di bulan Ramadan
9. Bakti kepada tuhan

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK237".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **25 NOVEMBER 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 239**.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 235

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM235:

ALIF ZUHAIRI BIN NOOR HAIRIZAL
(8 tahun)
Presint 11, Putrajaya.

AINUL MARDHIAH BIN MOHD SAFIAN
(9 tahun)
Taman Mahkota Impian, Labuan.

MUAZ BIN MUHAMAD FIRDAUS
(9 tahun)
Presint 14, Putrajaya.




Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK235:


NORAZIAN BINTI MOHD YUSOF
(40 tahun)
Taman Ambar, Selangor.

SAIFUL BIN ABDUL MALEK
(38 tahun)
Presint 17, Putrajaya.

NUR AYUNI BINTI MOHD TAUPEK
(39 tahun)
Taman Emas, Dengkil.



NORAZIAN



SAIFUL



AYUNI

Sempena Sambutan Jubli Perak MCMC sasar tanam 1,000 pokok hutan

MENGINJAK usia 25 tahun penubuhannya sebagai sebuah badan pengawal selia industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam negara, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terus cemerlang memikul tanggungjawab kepada masyarakat.

Sebagai organ terpenting dalam memastikan pemberdayaan setiap lapisan masyarakat mengenai teknologi maklumat, fungsi MCMC antara lain adalah untuk memastikan kesalinghubungan komuniti luar bandar terhadap digital.

Tidak sekadar itu, MCMC juga berperanan dalam menyebarkan apa jua kempen kesedaran yang berkait secara langsung dengan kehidupan masyarakat termasuk perihai penjagaan alam sekitar.

JAGA KELESTARIAN BUMI

UMUM mengetahui bahawa perubahan iklim telah mengakibatkan banyak kerosakan di muka bumi. Malah, punca utama yang menyebabkan lapisan ozon semakin menipis antaranya disebabkan oleh aktiviti pembalakan serta pencemaran udara dan alam sekitar yang tidak terkawal.

Natijah daripada kesan tersebut, ulang tahun ke-25 MCMC telah mengangkat tema sambutan iaitu Harmoni Digital, Simfoni Bumi, yang menekankan penggunaan digital dengan betul serta dalam masa sama menjaga kelestarian bumi.

Sebagai simbolik kepada sambutan tersebut, MCMC menganjurkan Program *Carbon Footprint En-Route to Nature* yang turut menganjurkan aktiviti menanam pokok yang merupakan antara usaha melestarikan alam sekitar.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, **Teo Nie Ching** yang tertarik dan menyambut baik tema sambutan itu menyifatkan inisiatif MCMC dalam menganjurkan



SURUHANJAYA Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berusaha menjaga kelestarian alam sekitar dengan menjadikan program tanaman pokok hutan sebagai agenda utama sekali gus mendukung aspirasi kerajaan yang menyasarkan penanaman 100 juta pokok menjelang tahun 2025.

program penanaman pokok dan usaha murni ini diyakini dapat membantu meminimumkan kesan jejak karbon terhadap alam sekitar.

"Kerjasama strategik antara MCMC dengan MPS penting dalam merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan di bawah Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025.

"Untuk makluman, di peringkat Negeri Selangor sahaja, sasarannya ialah untuk merealisasikan penanaman 26 juta pokok menjelang tahun 2026 melalui Kempen Penghijauan Selangor sebagai usaha untuk memastikan kehijauan negara terus terpelihara.

"Program ini jelas menunjukkan komitmen MCMC terhadap prinsip dan nilai konsep pengurusan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang menekankan keseimbangan antara kemajuan dan keharmonian dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan," katanya ketika berucap merasmikan Program *Carbon Footprint En-Route to Nature* di Pusat Komuniti Cyberjaya pada Sabtu.

Hadir sama Ketua Pegawai

Operasi MCMC, Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus dan Ketua Pegawai Hal Ehwal Korporat MCMC, Datuk Zulkarnain Mohd Yasin.

Beliau berkata antara inisiatif hijau yang sedang giat dijalankan iaitu Program *Mobile E-Waste* melalui KITAR anjuran MCMC yang mengumpul dan mengitar semula gajet-gajet lama untuk mencapai matlamat mengurangkan jejak karbon.

"Seperti yang kita sedia maklum, e-waste ini boleh mencemarkan alam sekitar dan membahayakan kesihatan sekiranya tidak dikendalikan dengan betul," katanya.

Katanya, biodiversiti ialah khazanah yang tidak ternilai dan menjadi warisan kepada generasi akan datang. Justeru itu, semua pihak perlu bersama-sama berganding bahu dalam memupuk budaya cintakan alam sekitar serta memelihara dan memulihara alam semula jadi untuk manfaat bersama.

Dalam sidang medianya, Nie Ching menyeru kepada orang ramai untuk menghantar gajet lama atau rosak ke pusat pengumpulan e-sisa di bawah pemantauan MCMC untuk dikitar semula atau dilupuskan dengan betul.

Dengan anggaran 364 juta e-sisa



dihasilkan setiap tahun di negara ini, Nie Ching berkata Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia (KKD) melalui MCMC menggalakkan penggunaan Program KITAR, yang mengumpul dan mengitar semula gajet lama.

"Jumlah e-waste akan terus meningkat memandangkan setiap orang mempunyai sekurang-kurangnya dua gajet seperti komputer riba dan telefon bimbit. Setiap e-waste yang dihantar ke MCMC misalnya akan dihantar kepada kontraktor pakar. Kami memastikan bahan yang mengandungi unsur yang boleh digunakan semula atau dilupuskan melalui prosedur dikendalikan dengan betul," katanya.

Sementara itu, Mohd Ali Hanafiah dalam ucapannya berkata program tersebut melibatkan lebih 500 sukarelawan daripada warga kerja MCMC dan MPS yang menyaksikan sasaran sebanyak 1,000 pokok hutan ditanam.

Ujarnya, lebih bermakna sempena Sambutan Jubli Perak MCMC ini, 250 pokok telah dikhususkan untuk MCMC sebagai simbolik kepada 25 tahun usaha pengawalseliaan MCMC dalam industri komunikasi dan multimedia di Malaysia.

"Ini adalah komitmen MCMC terhadap alam sekitar yang menunjukkan bahawa MCMC bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan digital, malah tidak pernah lupa terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Mohd Ali berkata penganjuran Program *MCMC Carbon Footprint En-Route to Nature* merupakan bukti terhadap usaha MCMC untuk mengurangkan jejak karbon dan mengimbangi impak alam sekitar daripada pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun.

"Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah penggunaan elektrik, pelepasan karbon oleh kenderaan, pelupusan sisa dan pencetakan kertas di mana jumlah keseluruhan jejak karbon adalah bersamaan dengan 40,524 pokok.

"MCMC juga akan terus komited menganjurkan pelbagai siri program jangkaun masyarakat dan pendidikan yang berpaksikan kelestarian alam sekitar. MCMC percaya, dengan mempergiatkan pelbagai program kesedaran, ia dapat memberi inspirasi kepada komuniti seterusnya memberi impak positif kepada masyarakat," katanya.

WK



TEO NIE CHING (tengah) bersama warga kerja Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) selepas merasmikan program 'Carbon Footprint En-Route to Nature' di Pusat Komuniti Cyberjaya baru-baru ini.

Tanjung Subuk-Subukkan martabat busana tradisi Kadayan



KHAIRUL IDIN

KEGIGIHAN dua beranak Rasinah Japar, 67, dan Sharaizah Mohd Arip, 47, dalam usaha memartabatkan busana tradisional kaum Kadayan wajar dipuji apabila mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan menjual dan menyewa busana tersebut.

Memulakan perniagaan Tanjung Subuk-Subukkan yang terletak di Pasar Sentral, Labuan pada tahun 2015 ternyata usaha mereka membuahkan hasil apabila mendapat tempahan yang menggalakkan sehingga ke negara jiran, Brunei.

Menceritakan detik permulaan berkecimpung dalam seni jahitan, Rasinah berkata ia bermula apabila anaknya meminta menjahit busana tradisional Kadayan untuk dipakai dalam satu majlis.

"Sebenarnya agak sukar untuk mencari pakaian tersebut jadi, dari situ saya terfikir tidak mustahil jika suatu hari nanti generasi muda tidak tahu bagaimana rupanya busana kaum Kadayan sedangkan ia adalah lambang keunikan budaya.

"Mujurlah dengan pengalaman yang ada dalam bidang jahitan yang dipelajari daripada ibu memudahkan saya untuk menjahit baju tradisional tersebut," ujarnya yang berpandukan

contoh busana asal kaum itu.

Bercerita lanjut, Rasidah berkata selain menjahit pakaian tradisi Kadayan, dia turut menerima tempahan baju tradisional pelbagai etnik namun pelanggan perlu membawa contoh atau gambar pakaian tersebut bagi mengenal pasti corak dan warna kain yang digunakan oleh etnik masing-masing.

"Busana adalah lambang etnik, setiap corak dan warna amat berbeza. Jadi untuk mengelakkan sebarang kesilapan, kami meminta setiap pelanggan membawa contoh tersebut," ujarnya ketika ditemui Wilayahku.

Menyentuh tentang cabaran yang dihadapi, Rasinah berkata dia perlu berhati-hati untuk menambah aksesori seperti manik, batu permata dan sebagainya untuk mencantikkan baju tradisional tersebut dan dalam masa yang sama tidak mengubah corak dan warna yang asal.

"Alhamdulillah setakat ini kami menerima respons yang sangat baik daripada pelanggan yang rata-ratanya memuji kekemasan busana yang dijahit selain harganya yang berpatutan bermula RM500 hingga RM600.

"Mungkin bagi mereka yang tidak arif tentang jahitan busana tradisi akan menganggap ia mahal namun ini merupakan antara harga mampu milik sesuai dengan hasil yang dipersembahkan.

"Proses pembuatannya memerlukan masa sekurang-kurangnya satu minggu untuk

disiapkan selain ketelitian adalah perkara penting yang perlu dititikberatkan untuk memenuhi kehendak pelanggan," ujarnya sebarang tempahan perlu dibuat seminggu lebih awal.

KHIDMAT SEWAAN

TANJUNG Subuk-Subukkan turut menawarkan perkhidmatan sewaan baju tradisional kepada pelanggan yang ingin menggunakan pakaian tersebut untuk majlis-majlis keraian.

"Ketika ini, kami mempunyai lebih 10 helai busana tradisional daripada pelbagai etnik seperti Iban, Brunei, Bisaya, Kadazan, Rungus untuk peringkat umur kanak-kanak sehingga dewasa.

"Selalunya pelanggan yang datang ke kedai kami tidak pulang dengan perasaan kecewa kerana busana yang diinginkan lengkap untuk sebarang majlis keraian berkonsepkan kebudayaan dan etnik," ujarnya yang menetapkan harga sewa RM150 untuk sepasang.

Tambahnya lagi, dia bersyukur permintaan busana tradisional sentiasa mendapat tempat di hati masyarakat biarpun dalam zaman yang serba moden kini.

"Insya-Allah jika diizinkan saya ingin memperbesarkan lagi rangkaian perniagaan ini supaya ia dapat bersama-sama pihak bertanggungjawab terus memartabatkan busana tradisi bukan sahaja di negara ini bahkan ke luar negara," ujarnya. **WK**



RASINAH menyiapkan busana yang ditempah di kedainya.

ANTARA busana tradisional kaum Kadayan.

Martabat sukan sepak takraw

Syahir rancang buka akademi sendiri

SABRINA SABRE

HAMPIR 15 tahun mendapat pendedahan dalam sukan sepak takraw, tekong utama negara, **Muhammad Syahir Mohd Rosdi**, memasang impian untuk membuka akademi sendiri apabila bersara daripada dunia sukan tersebut satu hari nanti.

Atlet berusia 27 tahun itu berkata p e m b u k a a n akademi itu merupakan sebahagian daripada rancangannya u n t u k memperkasakan bakat pada peringkat akar umbi dalam usaha memastikan negara tidak ketandusan pelapis bagi sukan sepak takraw.

“Akademi itu merupakan satu daripada impian saya dan mungkin ia akan ditubuhkan dalam masa lima hingga 10 tahun dari sekarang.

“Selain daripada penubuhan sebuah akademi yang bagus, saya juga mahu menganjurkan program atau kem sepak takraw buat kanak-kanak pada masa hadapan,” kongsiyanya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, Muhammad Syahir berharap pihak bertanggungjawab dapat mengangkat semula martabat sepak takraw yang merupakan sukan tradisi turun-temurun yang menjadi kebanggaan serta kebudayaan unik



MUHAMMAD SYAHIR



AKSI Muhammad Syahir (tengah, jersi kuning) ketika Kejohanan Asian Games di Hangzhou baru-baru ini.

dalam kehidupan masyarakat.

“Kami sebagai atlet sukan sepak takraw yang sepatutnya serius dalam memastikan pembangunan sukan sepak takraw terus berkembang di peringkat antarabangsa kerana ini merupakan peluang keemasan yang perlu direbut dan dijadikan inisiatif dalam menghidupkan kembali sukan tradisional yang sangat rapat dengan masyarakat kita.

“Ia penting untuk masa depan para atlet sukan sepak takraw memandangkan permainan ini bukanlah sesuatu yang baharu,” ujarinya sukan ini perlu dipromosikan dengan lebih konsisten selaras dengan hasrat negara yang mahu melahirkan komuniti cergas, mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif bersukan.

Di samping itu, menurut anak

ketiga daripada enam orang adik-beradik ini, jika masih diberi peluang untuk menarung jersi kebangsaan, dia akan menyahut cabaran dalam membina nama dan reputasi demi negara dan sukan sepak takraw Malaysia.

Dalam masa sama, anak jati Kuala Lumpur ini juga berharap pihak bertanggungjawab dapat menambah baik sistem semakan video atau

Pencapaian

Muhammad Syahir

2023 - SEA Games Cambodia - Tempat kedua

2022 - Asian Games Hangzhou - Tempat kedua

2018 - Asian Games Palembang - Emas

challenge di kejohanan peringkat ASEAN, Asia mahupun dunia.

“Sistem yang digunakan di dalam sukan sepak takraw ketika ini sangat mengecewakan selain tidak mencapai taraf kejohanan tertinggi dan berprestij. Malahan, sistem yang digunakan di Kejohanan Liga Sepak Takraw (STL) Malaysia lebih bagus berbanding di peringkat antarabangsa.

“Saya berharap challenge di peringkat antarabangsa dapat dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa memandangkan baru-baru ini dalam final acara regu Kejohanan Dunia Sepak Takraw Piala Raja Thai di Bangkok disebabkan sistem challenge yang lemah, kami (Malaysia) telah dinafikan hak apabila bola libasan yang terakhir dari Thailand itu sepatutnya keluar,” tambahnya yang akan menyertai Kejohanan Sepak Takraw Piala Tun Ali sebagai penutup tahun 2023. **WK**

Kelayakan Piala Dunia 2026 jadi keutamaan FAM - Hamidin

SAINGAN Kumpulan D pusingan Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 lebih menjadi keutamaan buat Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berbanding Piala Asia 2023 di Qatar, Januari depan.

Presiden FAM, **Datuk Hamidin Mohd Amin** berkata pasukan kendalian Kim Pan Gon bakal memperoleh lebih banyak manfaat sekiranya berjaya layak ke pusingan ketiga kelayakan Piala Dunia 2026.

Beliau berkata pusingan ketiga kelayakan Piala Dunia 2026 menjadi platform tepat menguji tahap kemampuan Harimau Malaya bagi menyaingi kehebatan pasukan menghuni ranking lebih tinggi di peringkat Asia mahupun dunia antaranya Jepun, Australia serta Iran, sesuatu yang amat jarang berlaku bagi mereka.

Menurut Hamidin, skuad kebangsaan juga bakal mengumpul mata lebih tinggi sekiranya beraksi dalam pusingan tersebut sekali gus meningkatkan kedudukan Harimau Malaya berbanding apa dinikmati mereka pada aksi persahabatan.

“Saingan Piala Asia di Qatar bukanlah sesuatu yang tidak mustahak kerana setelah 42 tahun kita sudah layak dan ia satu kejayaan bermain di sana.

“Namun, jika dapat layak



PASUKAN Harimau Malaya mahu mencipta sejarah baharu selepas menamatkan penantian 42 tahun untuk layak secara merit ke Piala Asia.

ke peringkat seterusnya bagi Kelayakan Piala Dunia 2026, kita boleh cipta sejarah iaitu pasukan kita dapat jadi 18 pasukan terbaik dan bermain 10 perlawanan bertaraf dunia, halaman sendiri dan tempat lawan,” katanya pada satu sidang media baru-baru ini.

Justeru, Hamidin berkata amat penting buat penyokong Harimau Malaya menunjukkan sokongan padu termasuk membanjiri Stadium Nasional Bukit Jalil bagi meniup semangat kepada pemain ketika aksi pembukaan Kumpulan D pusingan Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala

Asia 2027 menentang pasukan ke-97 dunia Kyrgyzstan, Khamis ini, seterusnya aksi di tempat lawan menentang Taiwan (152 dunia), pada 21 November.

Beliau mengakui peminat sudah semestinya mengimpikan untuk melihat Harimau Malaya maju lebih

setapak lagi setelah meniti kejayaan membanggakan di bawah kendalian Pan Gon termasuk mara ke Piala Asia 2023 buat kali pertama dalam masa 42 tahun.

Selepas dua perlawanan bulan ini, Malaysia di kedudukan ke-137 dunia, dijadual bertemu pasukan ke-72 dunia Oman di tempat lawan dan sendiri tahun hadapan masing-masing pada 21 dan 26 Mac, bertemu Kyrgyzstan di Bishek pada 6 Jun dan menentang Taiwan pada 11 Jun di Malaysia.

Mengikut format pertandingan, dua pasukan terbaik kumpulan akan layak ke pusingan ketiga kelayakan Piala Dunia dan layak ke Piala Asia, manakala pasukan di tempat ketiga dan keempat akan beraksi dalam pusingan ketiga kelayakan Piala Asia.

Piala Dunia 2026 akan dihoskan Kanada, Mexico dan Amerika Syarikat secara bersama dengan format baharu 48 pasukan, berbanding 32 pasukan sebelum ini.

Juara tiga kali Arab Saudi akan menjadi tuan rumah Piala Asia buat kali pertamanya pada 2027.

Bagi pusingan akhir Piala Asia 2023, Malaysia diundi dalam Kumpulan E bersama Korea Selatan, Jordan dan Bahrain. - **BERNAMA**

Jelajah Pasport 50WP

Hotel Pulse Grande tawar harga istimewa

HAZIRAH HALIM

SEMPENA pengembaraan Pasport 50WP yang dianjurkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Hotel Pulse Grande menawarkan pakej penginapan istimewa kepada peserta program berkenaan dengan harga yang menarik.

Pengurus Besar Hotel Pulse Grande, **Wan Mohd Azhar Wan Ahmad Shuky** berkata para peserta yang memiliki pasport tersebut layak untuk mendapatkan pakej harga bilik serendah RM250 termasuk sarapan bagi dua orang.

“Bagi peserta yang menempah pakej ini untuk penginapan dua malam, boleh mendapatkan harga istimewa untuk malam seterusnya (hari ketiga) dengan harga serendah RM50.

“Malah, pakej pasport ini juga menawarkan peluang kepada 50 peserta terawal yang menginap di

hotel ini untuk memenangi baucar *Food and Beverage* (F&B) bernilai RM50,” jelasnya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Azhar berkata aktiviti pengembaraan Pasport 50WP adalah sebuah program unik dan wajar diteruskan pada masa akan datang kerana ia dilihat dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pelancongan domestik di Wilayah Persekutuan khususnya di lokasi-lokasi *checkpoint* yang disenaraikan.

“Ia juga adalah salah satu teknik pemasaran yang unggul untuk tujuan pemerkasaan sektor pelancongan dan galakan kepada pengunjung untuk mengetahui tentang keistimewaan dan keunikan Wilayah Persekutuan.

“Tanpa sedar, program ini juga sedikit sebanyak membantu mempromosikan dan mendedahkan kepada pelancong tempatan

mahupun luar negara tentang perkhidmatan yang disediakan oleh Hotel Pulse Grande di samping kami juga turut menguar-uarkan ketersediaan tempat-tempat menarik di sekitar Putrajaya yang boleh dilawati pengunjung ketika berada di sini,” katanya.

Justeru itu, Azhar mengajak orang ramai khususnya warga Wilayah Persekutuan menyertai pengembaraan Pasport 50WP yang telah bermula 1 Oktober sehingga 25 Februari tahun hadapan sekali gus menikmati tawaran pakej penginapan yang disediakan oleh Hotel Pulse Grande.

Katanya, tempahan boleh dibuat melalui talian **03-8887 8888** atau *WhatsApp* ke **010-228 5353**.

Terdahulu, Hotel Pulse Grande merupakan antara rakan strategik Pasport 50WP yang menawarkan penginapan pada harga berpatutan kepada peserta selain Hotel *Premiera* Kuala Lumpur dan *AZ Hotel and Serviced Apartment*, Labuan. **WK**



WAN MOHD
AZHAR



ASTAKA Morocco, Putrajaya merupakan salah satu *checkpoint* menarik dalam siri *Jelajah Pasport 50WP*.

Pelajar Sekolah Afwa Al Afiyah di Gaza selamat, Siti Nurhaliza giat salur misi bantuan

DEEL ANJER

PENYANYI Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin bersyukur bantuan yang dihantar ke Gaza menerusi Yayasan Nurjiwa selamat tiba dan dimanfaatkan masyarakat di sana.

Bukan itu sahaja, Siti juga menzahirkan rasa syukurnya apabila kesemua pelajar dan petugas sekolah Afwa Al Afiyah di Gaza, Palestin yang dibangunkan menerusi yayasan yang diasaskannya berada dalam keadaan baik dan selamat sampai di selatan negara itu.

Beliau berkata buat masa ini hasil sumbangan rakyat Malaysia menerusi yayasan itu masih dapat terus diberikan walaupun dalam keadaan yang sangat meruncing memandangkan wakil yang juga kenalannya, Dr Mohanad masih selamat dan mampu mengendalikan sumbangan tersebut.

Siti Nurhaliza berkata tumpuan beliau dan suaminya, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa kini bagi memberi bantuan keperluan asas termasuk makanan, air bersih dan selimut untuk penduduk di sana menerusi yayasan berkenaan.

“Sekolah tersebut mempunyai lebih 100 pelajar sekolah berumur seawal usia lima hingga lapan tahun dengan lebih 10 petugas yang masih meneruskan tugas mereka yang kini tertumpu kepada kerja amal untuk penduduk yang berada di selatan Gaza,” katanya pada sesi perkongsian program *Bizjihad* anjuran Lembaga Zakat Selangor, baru-baru ini.

Program itu turut disertai Pengerusi Eksekutif Capital A, Datuk Kamarudin Meranun yang diadakan bagi berkongsi pengalaman kedua-dua tokoh itu mengenai kepentingan dan kewajiban mengeluarkan zakat

serta kebaikan bersedekah.

Menurut pelantun lagu *Romansa Kita dan Magis ini*, Dr Mohanad ada memaklumkan sebelum mereka bertolak ke selatan Gaza, keadaan sekolah Afwa Al Afiyah itu masih selamat daripada bedilan bom atau serangan tentera *Zionis Israel*.

Katanya setiap hari Dr Mohamad akan berulang-alik dari tempat tinggal mereka ke hospital berdekatan untuk mendapatkan liputan Internet bagi berkongsi status mereka di sana untuk memastikan beliau dan suami tidak risau akan keadaan mereka.

“Sepanjang dua tahun sekolah tersebut beroperasi, ia melindungi kebanyakannya anak-anak yatim piatu.

“Namun syukur, walaupun Yayasan Nurjiwa tidak sebesar badan pertubuhan amal yang lain, kita dapat berikan bantuan terus kepada anak-anak di sana,” katanya

sambil menahan sebak.

Menurut Kementerian Kesihatan Palestin pada Isnin, jumlah korban akibat serangan berterusan tentera penceroboh Israel di Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober sudah melepasi angka 11,540 termasuk lebih 8,000 wanita dan kanak-kanak manakala 28,200 lagi cedera.

Selain bantuan untuk rakyat Palestin, Yayasan Nurjiwa yang ditubuhkan sejak tahun 2006 itu turut membantu mangsa banjir, golongan asnaf dan bantuan persekolahan serta perubatan untuk golongan kurang berkemampuan di Malaysia. **WK**



SITI
NURHALIZA